



NUKLEAR MALAYSIA

in the News
2022



Advisor

Dr. Abdul Rahim bin Harun

Coordinator

Nor Suriani binti Mohd Zin
Carlos Linton

Designer

Mohd Idzwan bin Md Zin

Corporate Communication Unit

Norliza binti Abdul Mihat
Muhammad Asyraf bin Mat Siliji

Thank you notes

This is a compilation of newspaper clippings and online media to portray the successful story of Malaysian Nuclear Agency (Nuklear Malaysia) in 2022. We would like to thank to all media for the co-operation and continuous support. It is hoped that the story ties between reporters and researchers will continue to enhance Malaysia's future development in nuclear science and technology.

Newspaper

Content : Newspaper

DATE	ARTICLE	NEWSPAPER	PAGE
12 March 2022	Benih padi IS22 dibangun kerjasama tiga universiti	Berita Harian	6
12 March 2022	Benih padi IS21 tingkat pendapatan pesawah, kos pengurusan rendah	Utusan Malaysia	7
12 March 2022	Varieti benih padi baharu IS22 pula akan dihasilkan	Utusan Malaysia	8
14 March 2022	Nuklear Malaysia working on padi seed resilience	New Straits Times	9
31 March 2022	Padi IS21 lonjakan hasil pesawah	Utusan Malaysia	10
16 April 2022	Abdul Rahim Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia	Berita Harian	11
29 June 2022	Ministry to promote use of biofertilisers, tech solutions to boost crop yield	New Straits Times	12
1 July 2022	Benih padi teknologi nuklear	Harian Metro	13
9 September 2022	Agensi Nuklear Malaysia 50 tahun mengorak langkah	Wilayahku	14
20 September 2022	DG: Nuclear science help create new rice varieties	The Star	15
20 September 2022	Fasa akhir gubal Dasar Teknologi Nuklear	Berita Harian	16
28 September 2022	Malaysia rangkul dua anugerah pada Majlis RCA	Harian Metro	17

Content : Newspaper

DATE	ARTICLE	NEWSPAPER	PAGE
29 September 2022	Kerjasama Malaysia – IAEA di bidang latihan, pendidikan	Harian Metro	18
15 October 2022	Talking sense on rare earths	The Star	19

12 March 2022

**Benih padi IS22 dibangun
kerjasama tiga universiti**

Benih padi IS22 dibangun kerjasama tiga universiti

Kuala Lumpur: Penyelidikan teknologi benih padi, IS22, yang sedang dibangunkan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menerusi Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia) dilaksanakan dengan kerjasama tiga universiti tempatan.

Nuklear Malaysia memaklumkan, tiga universiti itu adalah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM), selain mendapat bantuan teknikal daripada Badan Tenaga Atom Antarabangsa serta Agensi Tenaga Atom Jepun.

"Pada masa sama, Nuklear Ma-

laysia menjalankan penyelidikan padi tahan kemarau menggunakan padi tradisional wangi hitam, yang diaruh mutasi menerusi alur ion khidma sinaran yang diperoleh daripada Quantum and Radiological Science and Technology (QST).

"Kajian ini mungkin mengambil masa beberapa tahun dan memerlukan dana penyelidikan sebelum satu varieti yang berpotensi dihasilkan," katanya dalam kenyataan semalam.

Selain itu, Nuklear Malaysia berkata, seorang pegawai penyelidikannya membuat kajian peringkat Doktor Falsafah (PhD) untuk mendapatkan padi yang rintang

kepada banjir menggunakan padi IS21, menerusi kaedah kacukan balik dengan varieti yang tahan banjir dan matang awal.

Semalam *BH* melaporkan MOSTI sudah memulakan penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi menghasilkan benih padi berkualiti tinggi dikenali IS22.

Menterinya, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata penghasilan benih padi melalui teknologi nuklear itu selaras arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, yang meminta supaya varieti padi baharu yang tidak rosak apabila ditenggelami banjir serta tidak banyak menggunakan air, dibangunkan.

Benih padi IS21 tingkat pendapatan pesawah, kos pengurusan rendah

12 March 2022

Benih padi IS21 tingkat pendapatan pesawah, kos pengurusan rendah

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Penggunaan Benih Padi IS21 berteknologi tinggi secara meluas mampu memberi banyak manfaat kepada golongan pesawah dan petani dalam meningkatkan pendapatan dan taraf hidup komuniti itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, maklum balas positif diterima daripada golongan itu selepas beliau melancarkan benih padi hasil penyelidikan Agensi Nuklear Malaysia tersebut empat bulan lalu di Sekinchan, Selangor.

Lebih istimewa katanya, kos pengurusan sawah juga dapat dikurangkan memandangkan penanaman padi itu tidak memerlukan baja yang banyak.

Menurutnya, benih tersebut mempunyai daya tahan tinggi terhadap cuaca ekstrem dan mempunyai daya rintang terhadap beberapa penyakit padi.

"Baka padi IS21 ini juga berpotensi menghasilkan padi sehingga sembilan tan sehektar mengikut kawasan penanaman dan amalan budaya pesawah jika diurus dengan baik mengikut garis panduan disyorkan," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Penyerahan Benih Padi IS21 kepada komuniti petani dan pesawah, sebagai projek tanggungjawab sosial korporat (CSR)



ISMAIL Sabri Yaakob menyampaikan replika Benih Padi IS21 kepada wakil penduduk sempena Majlis Penyerahan Benih Padi IS21 Untuk Komuniti Petani dan Pesawah di Endau, Mersing, Johor, Rabu lalu. - UTUSAN/ RAJA JAAFAR ALI

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) di Endau, Mersing, Johor, kelmarin.

Ismail Sabri berkata, benih padi yang berkualiti boleh membantu negara meningkatkan pengeluaran hasil padi dan membantu menaikkan tahap sara diri negara.

Pada masa sama, beliau menjelaskan, ia dapat mengurangkan kebergantungan beras import serta dapat menjamin keselamatan makanan negara

dan menyokong Dasar Agromakanan Negara 2021-2030.

Bagi memastikan sumber makanan negara terjamin, selamat dan mencukupi, katanya, kerajaan sentiasa berusaha mencari kaedah terbaik yang mampu meningkatkan hasil padi.

"Sudah pasti golongan yang memainkan peranan paling penting dalam produktiviti industri padi negara adalah para pesawah serta petani dan kebajikan mereka adalah tanggung-

jawab kerajaan.

"Membesar sebagai anak petani, saya memahami denyut nadi serta pahit jerih setiap petani, saya memberi komitmen untuk pastikan tidak ada yang tercicir. Kebajikan petani serta Keluarga Malaysia sentiasa mendapat perhatian khusus daripada saya," katanya.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, kerajaan sentiasa berusaha memastikan usaha mempertingkatkan produk-

tiviti industri padi dilakukan secara proaktif termasuk memperkenalkan teknologi terkini bagi mendepani cabaran serta memperkasakan keupayaan.

Justeru, beliau menyeru agar lebih ramai penyelidik tempatan dalam pelbagai bidang kepakaran tampil menentang penyalahgunaan dan pembangunan serta menggembeng tenaga bagi membangunkan inovasi agromakanan negara.

Katanya, MOSTI telah memberikan dana penyelidikan kepada syarikat Pengeluar Padi Sah di Sekinchan dengan kerjasama Agensi Nuklear Malaysia bagi membangunkan Loji Pengeluaran Benih Asas Padi IS21 mengikut piawaian prosedur operasi standard (SOP) antarabangsa bagi menghasilkan benih sah berkualiti tinggi.

Perdana Menteri turut mengimbau semasa beliau mengemudi Kementerian Pertanian apabila pernah mencadangkan penghasilan benih padi berkualiti tinggi untuk meningkatkan pendapatan petani dan pesawah.

Beliau memberitahu, terdapat dua jenis padi yang boleh dihasilkan iaitu pertama jenis benih padi yang tahan jika ditenggelami air sekali gus tanaman padi tidak rosak jika berlaku banjir sebagaimana dilaksanakan beberapa negara seperti Filipina dan India.

12 March 2022

Varieti benih padi baharu IS22 pula akan dihasilkan

Varieti benih padi baharu IS22 pula akan dihasilkan

PUTRAJAYA: Agensi Nuklear Malaysia memulakan penyelidikan bagi menghasilkan varieti benih padi yang ditambah baik sebagaimana permintaan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Adham Baba berkata, ia merupakan komitmen berterusan membantu petani dan pesawah agar tidak rugi jika tanaman mereka terjejas berikutan cuaca ekstrem tidak menentu.

Menurut beliau, varieti baharu benih padi itu akan diberi nama IS22.

"Agensi Nuklear Malaysia sentiasa proaktif mencari pelbagai kaedah penambahbaikan menggunakan teknologi nuklear dan sentiasa bertindak ber-

dasarkan isu perubahan cuaca global," katanya dalam kenyataan semalam.

Adham berkata, penyelidikan benih padi IS22 itu adalah dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia dan Universiti Teknologi Mara.

Katanya, ia turut mendapat bantuan teknikal daripada Badan Tenaga Atom Antarabangsa dan Agensi Tenaga Atom Jepun di bawah platform Forum Nuclear Cooperation in Asia.

Kata beliau, seorang pegawai penyelidik Agensi Nuklear Malaysia juga ketika ini sedang membuat kajian Doktor Falsafah (PhD) untuk mendapatkan padi yang rintang kepada banjir (submerge) yang mana padi IS21 dikahwinkan dengan kaedah

kacukan balik (advanced back-cross method) dengan varieti yang tahan banjir dan matang awal.

Pada masa sama, katanya, Agensi Nuklear Malaysia juga sedang menjalankan penyelidikan padi tahan kemarau yang turut dilaksanakan pada tahun ini menggunakan padi tradisional wangi hitam diaruh mutasi menggunakan alur ion (ion beam) khidmat sinaran yang diperolehi daripada Quantum and Radiological Science and Technology (QST).

"Kajian ini mungkin mengambil masa beberapa tahun dan memerlukan dana penyelidikan sebelum satu varieti yang berpotensi dihasilkan untuk kegunaan petani dan pesawah," katanya.



ISMAIL Sabri Yaakob melihat Benih Padi IS21 ketika melancarkan padi baharu itu di Sekinchan, November tahun lalu.

Nuklear Malaysia working on padi seed resilience

14 March 2022

Nuklear Malaysia working on padi seed resilience

PUTRAJAYA: The Malaysian Nuclear Agency (Nuklear Malaysia) is working to boost the resilience of padi seeds to withstand the unpredictable weather in the country. Nuklear Malaysia said its research team had started research to produce a new padi variety, IS22, in collaboration with Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia and Universiti Teknologi Mara. It said the agency received technical assistance from the International Atomic Energy Agency and Japan Atomic Energy Agency under the Forum for Nuclear Cooperation in Asia platform. "Nuklear Malaysia has been proactive in finding improvement methods using nuclear technology and always takes action in regard to global climate change issues." The agency is also conducting research on the production of drought-resistant padi seeds, which is expected to be completed this year. **Bernama**

31 March 2022

Padi IS21 lonjakkan hasil pesawah

Padi IS21 lonjakkan hasil pesawah

Oleh SYED AZLAN SAYID HIZAR
utusannews@mediamula.com.my

KANGAR: Benih padi baharu IS21 yang dihasilkan Agensi Nuklear Malaysia terbukti meningkatkan hasil tuaian sehingga meningkatkan pendapatan pesawah mencecah 67 peratus.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pegawai Penyelidik Kanan Bahagian Agroteknologi dan Biosains Agensi Nuklear, Dr. Sobri Hussein berkata, IS21 telah menjalani kajian selama 10 tahun di samping ditanam di beberapa lokasi di seluruh negara.

Katanya, di Perlis, varian tersebut telah diuji di kawasan Utan Aji, Kangar tiga tahun lalu dan mengeluarkan hasil memberangsangkan dengan hasil tuaian meningkat melebihi 20 peratus.

"Pelbagai ujian telah kita lakukan bagi memastikan benih padi yang dihasilkan mempunyai kadar rintangan yang tinggi bukan sahaja terhadap cuaca tapi juga penyakit.

"Benih padi ini dihasilkan menerusi teknologi nuklear dan kaedah mutasi aruhan sinaran gama, pada masa sama turut meningkatkan kualiti zat dan nutrisi beras," katanya.

Sementara itu, Sobri berkata, IS21 mampu meningkatkan pendapatan pesawah daripada 40 peratus sehingga 67 peratus bergantung kepada kawasan tana-

man dan pengurusan pertanian.

"Benih padi ini mampu menghasilkan sehingga sembilan tan metrik per hektar mengikut kawasan dan diurus mengikut garis panduan dikeluarkan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

"Selain itu, kos input pertanian seperti penggunaan racun dan baja mampu diturunkan daripada 10 hingga 20 peratus," ujarnya.

Katanya, pada masa ini, benih padi tersebut dikeluarkan dengan kerjasama kilang padi benih berdaftar dengan MAFI, HMN Sdn. Bhd yang beroperasi di Sekinchan, Selangor.

"Agensi Nuklear bekerjasama dengan syarikat ini bagi mengeluarkan padi benih menggunakan teknologi laser dipanggil *colour sorter* bagi membuang padi angin yang sering membelenggu pesawah kita.

"Adalah penting bagi pesawah mendapatkan benih padi terus daripada pengilang berdaftar bagi menjamin hasil tuaian terbaik dan pendapatan yang lumayan," katanya.

Sebagai rekod, padi IS21 turut menerima tiga anugerah antarabangsa dan terbaharu adalah anugerah Breakthrough Research Award 2021 di bawah platform Forum Kerjasama Nuklear Asia kerana membantu meningkatkan pendapatan rakyat.



SOBRI HUSSEIN (kanan) bersama Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Pembudayaan Sains) MOSTI, Dr. K. Nagulendran menunjukkan varieti padi IS21 pada program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia di Kangar, Perlis baru-baru ini. - UTUSAN/SYED AZLAN SAYID HIZAR

Abdul Rahim Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia

Kuala Lumpur: Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pembangunan Teknologi), Agensi Nuklear Malaysia, Dr Abdul Rahim Harun dilantik sebagai ketua pengarah baharu agensi itu, berkuat kuasa Isnin lalu.

Unit Komunikasi Agensi Nuklear Malaysia dalam satu kenyataan semalam, memaklumkan pelantikan Abdul Rahim bagi menggantikan Dr Siti A'iasah Hashim yang bersara pada 1 Januari lalu, dibuat berdasarkan kelayakan, pengalaman dan pengetahuan beliau khususnya dalam bidang penyelidikan teknologi nuklear.

Ia bagi membolehkan Abdul Rahim menerajui kepimpinan agensi terbabit seterusnya menerus kecemerlangan bagi mencapai matlamat kemajuan pembangunan dan penyelidikan.

Abdul Rahim mendapat pendidikan Ijazah Sarjana Muda Sains Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM) pada 1988; Ijazah Sarjana 'Applied Genetics'

University of Birmingham, United Kingdom pada 1998 dan ijazah kedoktoran bidang genetik di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 2010.

Sementara itu, Dr Rosli Darmawan pula dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah bagi Program Penyelidikan dan Pembangunan Teknologi agensi berkenaan, berkuat kuasa Isnin lalu.

Beliau lulus Ijazah Pertama Kejuruteraan Mekanikal dari University of The Pacific, AS pada 1990 dan ijazah kedoktoran bidang sama daripada Universiti Putra Malaysia (UPM) pada 2015.



Abdul Rahim Harun

29 June 2022

Ministry to promote use of biofertilisers, tech solutions to boost crop yield

Ministry to promote use of biofertilisers, tech solutions to boost crop yield

KUALA LUMPUR: The Science, Technology and Innovation Ministry (Mosti) will promote the use of biofertilisers and various technologies to improve nutrient absorption and soil conservation to increase crop yield.

The ministry, in a statement yesterday, said these products were able to shield farmers from the rising cost of fertilisers due to a global supply shortage of raw materials.

"These products are suitable for large-scale use to increase the size of fertile land for farming in a short period.

"Based on field studies conducted by the Malaysian Nuclear Agency, biofertilisers can potentially cut expenditure on fertilisers by up to 50 per cent and step up crop yield up by eight per cent. This, therefore, will reduce our reliance on fertilisers, and subsidies for fertilisers can also be gradually decreased."

The ministry said it was prepared to roll out 27 out of 46 technology solutions for large-scale use as short-term solutions to the ongoing food security crisis.

These solutions, it said, were divided into clusters, including seeds, biofertilisers and booster fertilisers, drones and robotics, testing and the Internet of Things (IoT) application, aquaculture, as well as animal feed.

One vital solution, the ministry said, was to combine automated fertigation systems, vertical farming and aquaponic with artificial intelligence applications to operate in isolated areas.

It said the operating costs could also be scaled down by using solar power as the primary energy source through the Nano Light Energy Panel (NLEP) technology.

"The NLEP technology can be used for green plants based on the suitability of location and market demand.

"IoT and blockchain technologies will be incorporated together with other technological solutions to boost our agro-industry.

"All these technological solutions are produced through local research and development initiatives funded by the government."

Mosti said it would continue to engage the Agriculture and Food Industries Ministry to ensure that the solutions were implemented at the right localities based on demand from the economic sectors.

By Dhesegaan Bala Krishnan

Benih padi teknologi nuklear



SEORANG pesawah membawa anak benih padi untuk ditanam ketika musim penanaman di Ladang Merdeka Mulong, Kota Bharu. Agensi Nuklear Malaysia akan mempertingkatkan pengeluaran benih padi IS21 untuk diedar kepada pesawah, sekali gus memperluas penanaman varieti berkualiti tinggi itu di seluruh negara. Ketua Pengarahnya Dr Abdul Rahim Harun berkata ketika ini kuota benih dihasilkan menggunakan teknologi nuklear kaedah mutasi aruhan sinaran gamma itu adalah sebanyak 4,800 metrik tan bagi setiap musim. Tempoh matang padi IS21 ini adalah sama dengan varieti lain, tetapi ciri-cirinya berkualiti tinggi, tahan pada perubahan cuaca tidak menentu seperti kemarau dan banjir iaitu mampu bertahan sekiranya terendam dalam air kira-kira 20 hari, petani tidak perlu menabur semula benih tersebut sekali gus menjimatkan kos.

Agensi Nuklear Malaysia 50 tahun mengorak langkah



DIANA AMIR

SEJAK ditubuhkan pada tahun 1971, Agensi Nuklear menjalankan pelbagai peranan penting dalam mengembangkan penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi dalam bidang sains teknologi nuklear di Malaysia sekali gus mencapai kejayaan cemerlang di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Bagi mengetahui lebih lanjut tentang hala tuju Agensi Nuklear Malaysia, **Wilayahku** menemui bual Timbalan Ketua Pengarah Program Penyelidikan dan Pembangunan Teknologi, **Dr Rosli Darmawan** sempena Sambutan 50 tahun Nuklear Malaysia.

WILAYAHKU: Boleh Dr kongsi dengan lebih lanjut tentang sejarah penubuhan Agensi Nuklear Malaysia?

ROSLI: Sejarah penubuhan agensi ini bermula pada 11 November 1971 apabila Pusat Penyelidikan dan Aplikasi Tenaga Nuklear (CRANE) sebagai satu pusat penggunaan dan penyelidikan teknologi nuklear. Penubuhan ini telah diterima dan diluluskan secara rasmi Jemaah Menteri pada 19 September 1972.

Sejak penubuhannya, agensi ini telah mengalami perkembangan yang sangat menggalakkan dan melalui fasa transformasi daripada Pusat Penyelidikan Atom Tun Dr Ismail (PUSPATI), yang diiktiraf sebagai pusat penyelidikan kebangsaan pada tahun 1973, kepada Unit Tenaga Nuklear (UTN) pada tahun 1983, untuk melaksanakan peranan dalam perancangan polisi negara dan kegiatan operasi nuklear di bawah naungan Jabatan Perdana Menteri. Agensi ini seterusnya telah melalui penjenamaan semula kepada Institut Penyelidikan Teknologi Nuklear Malaysia (MINT) melalui kelulusan Jemaah Menteri pada 10 Ogos 1994. Pada 13 April 2015, selaras dengan perkembangan perannya di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, sekali lagi agensi ini telah diberikan imej baharu yang digazetkan sebagai Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia).

WILAYAHKU: Apakah peranan penting lain yang digalas oleh Nuklear Malaysia sepanjang 50 tahun usia penubuhan agensi ini?

ROSLI: Sepanjang 50 tahun penubuhannya, agensi ini menjalankan peranan dalam mempertingkatkan pembangunan dan

Anugerah IAEA and The Food and Agriculture Organisation of the United Nations (FAO) on Mutation Breeding semasa Persidangan Agung ke 65, Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) di atas kejayaan Nuklear Malaysia dalam bidang biak baka mutasi; Anugerah Excellent Researcher of FNCA 2021 Breakthrough Prize oleh Forum Kerjasama Nuklear di Asia (FNCA) di atas kejayaan penyelidik daripada Nuklear Malaysia, UKM dalam bidang penyelidikan.

daya saing ekonomi negara melalui kecemerlangan dalam teknologi nuklear. Ini dapat dibuktikan dengan perkembangan industri berasaskan teknologi sinaran seperti pensterilan gamma, peranti perubatan, sarung tangan, produk agromakanan dan sebagainya bagi tujuan eksport.

Bagi memastikan agensi ini kekal relevan dalam arus perdana, peranan Nuklear Malaysia telah disejajarkan dengan misi Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) iaitu, untuk menerajui sains, teknologi, inovasi dan ekonomi (STIE), dalam menangani isu dan menghadapi cabaran negara, untuk kesejahteraan masyarakat dan pembangunan mampan.

Nuklear Malaysia juga telah menyumbangkan usahanya untuk menyumbang ke arah pencapaian matlamat Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi 2030, di peringkat kebangsaan serta memenuhi agenda Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSDG) 2030 di peringkat antarabangsa.

WILAYAHKU: Apakah pencapaian Nuklear Malaysia yang telah direkodkan?

ROSLI: Pencapaian cemerlang Nuklear Malaysia adalah berdasarkan pengalaman penyelidikan dan pembangunan selama 50 tahun dalam pelbagai aspek sains dan teknologi nuklear, dengan 40 tahun dalam

JADUAL LAWATAN PAMERAN	
Tarikh : 5 September – 5 Oktober 2022	
Hari : Isnin – Jumaat (kecuali cuti umum)	
Sesi Pagi	
9.00 pagi :	Pendaftaran di Lobi Blok 11
9.15 pagi :	Taklimat Saluran Datang
9.30 pagi :	Mesejki bus ke tapak tapak pameran
12.00 tengah hari :	Lawatan makan
Sesi Petang	
2.15 petang :	Pendaftaran di Lobi Blok 11
2.30 petang :	Taklimat Saluran Datang
2.45 petang :	Mesejki bus ke tapak tapak pameran
4.30 petang :	Lawatan tamat

pengendalian reaktor penyelidikan Reaktor TRIGA Puspatti (RTP), yang bebas kemalangan radiologi dan bersih alam sekitar. Reaktor penyelidikan ini merupakan satu-satunya reaktor penyelidikan nuklear yang terdapat di Malaysia.

Pencapaian mutakhir Nuklear Malaysia adalah penghasilan varieti benih padi baharu IS21 yang telah dilancarkan secara rasmi oleh Perdana Menteri pada 20 November 2021 di Sekinchan, Selangor. Benih padi IS21 adalah varieti padi baharu negara hasil daripada kajian biak baka mutasi anuran sinaran

gamma, yang mempunyai daya tahan tinggi terhadap cuaca ekstrem dan mempunyai daya rintang terhadap beberapa penyakit padi serta mempunyai potensi pengeluaran hasil padi yang tinggi.

Di antara pencapaian terkini adalah seperti Anugerah IAEA and The Food and Agriculture Organisation of the United Nations (FAO) on Mutation Breeding semasa Persidangan Agung ke 65, Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) di atas kejayaan Nuklear Malaysia dalam bidang biak baka mutasi; Anugerah Excellent Researcher of FNCA 2021 Breakthrough Prize oleh Forum Kerjasama Nuklear di Asia (FNCA) di atas kejayaan penyelidik daripada Nuklear Malaysia, UKM dalam bidang penyelidikan.

WILAYAHKU: Boleh Dr ceritakan hala tuju Nuklear Malaysia?

ROSLI: Nuklear Malaysia telah membangun dan melancarkan plan strategik 10 tahun agensi ini untuk jangka masa 2021 sehingga 2030. Plan strategik yang dikenali sebagai Wawasan Nuklear Malaysia 2030 (WNM 2030) ini menggariskan visi ke hadapan Nuklear Malaysia dan menyediakan hala tuju jangka pendek dan sederhana yang jelas, mengambil kira keseluruhan peranan, aktiviti dan kepakaran agensi ini.

WILAYAHKU: Apakah peranan oleh Nuklear Malaysia dalam memupuk kesedaran masyarakat berhubung kepentingan Sains,

Teknologi dan Inovasi (STI)?

ROSLI: Nuklear Malaysia sentiasa komited dalam menjalankan aktiviti penerimaan awam secara berterusan sejak tahun 1980-an sehingga kini. Pelbagai aktiviti telah dijalankan, mengikut jenis audiens dan perkembangan semasa. Sebagai contoh, untuk aktiviti bersama masyarakat awam, Nuklear Malaysia memilih pendekatan turun padang. Program Pameran Produk Nuklear di kawasan luar bandar dapat mempromosikan Nuklear Malaysia sekali gus memperkenalkan hasil R&D pegawai penyelidik Nuklear Malaysia.

Saya yakin bahawa, pendedahan awal terhadap STI dan pembelajaran secara formal sangat penting untuk memperkenalkan STI kepada generasi muda. Oleh itu, Nuklear Malaysia sentiasa bekerjasama dan menyokong usaha Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menambak baik kurikulum subjek sains dan fizik, terutama yang melibatkan topik berkaitan pendidikan nuklear.

Seiring dengan perkembangan teknologi maklumat, Nuklear Malaysia juga menggunakan platform media sosial untuk menyebarkan maklumat, memaklumkan perkembangan R&D dan membuat hebahkan program-program anjuran Nuklear Malaysia kepada masyarakat awam. Malahan, bahan penerbitan Nuklear Malaysia (brosur, majalah, jurnal) juga telah dimuat naik di laman sesawang rasmi Nuklear Malaysia di www.nuclearmalaysia.gov.my.

WILAYAHKU: Bersempena dengan Sambutan Jubli Emas Agensi Nuklear Malaysia pada tahun ini, apakah harapan Dr khususnya kepada warga Nuklear Malaysia dan umunya kepada rakyat Malaysia?

ROSLI: Saya berharap agar Nuklear Malaysia dapat mengongkakan teknologi nuklear ini ke hadapan dan menerajui beberapa bidang khususnya penyediaan teknologi nuklear di masa hadapan.

Kepakaran dan pengalaman Nuklear Malaysia, dengan penglibatan pelbagai pihak pemegang taruh, diharap dapat membantu dalam mencapai hasrat MOSTI untuk menjadikan STI sebagai agenda untuk rakyat, selaras dengan tema MOSTI Merakyatkan Sains, Menginsankan Teknologi.

Orang ramai dijemput hadir ke Program Pameran, serta Kemudahan Nuklear sempena Sambutan Jubli Emas Nuklear Malaysia bermula 5 September hingga 5 Oktober 2022. Untuk maklumat lanjut, layari laman sesawang dan media sosial Agensi Nuklear Malaysia.



DG: Nuclear science helped create new rice varieties

20 September 2022

DG: Nuclear science helped create new rice varieties

By MENG YEW CHOONG
ycmeng@thestar.com.my

KAJANG: Unknown to many, nuclear science is helping ensure Malaysia's food security through the creation of new rice varieties, says Nuklear Malaysia director-general Dr Abdul Rahim Harun.

"For example, nuclear technology has been used to contribute to the creation of the IS21 rice variety," Abdul Rahim said during Nuklear Malaysia's golden anniversary celebration at its headquarters here yesterday.

He also cited that nuclear technology is used in the sterile insect technique (SIT) to create sterile male pests which are subsequently released to lower pest population over time.

On rice production, the IS21 rice seeds were unveiled to Malaysian farmers last November by Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, which is a high quality paddy seed resistant to unpredictable weather changes such as drought and floods.

The Prime Minister had called on Nuklear Malaysia and other related institutions in the agriculture field to come up with rice varieties that could withstand extreme climatic events while also resistant to pests and diseases.

Efforts to develop high-quality seeds here were assisted through input from the International Atomic Energy Agency and the Japan Nuclear Energy Agency, under the auspices of the Asian Forum on Nuclear Cooperation.

Apart from the IS21, Nuklear Malaysia and its partners have been working for the past few years on the IS22 rice variety, which is now awaiting approval from the Agriculture Department for use here.

Meanwhile, Science, Technology and Innovation Minister Datuk Seri Dr Adham Baba, who was the guest of honour at the celebration, said there is a need to dispel the notion that nuclear technology is dangerous or hazardous.

"In fact, nuclear technology is very useful when handled properly.

"There is need to explain to the Malaysian Family in simple language about nuclear's manifold role, not just in agriculture but also in our nation's development," he said.

He lauded Nuklear Malaysia for their achievements in utilising nuclear technology for the benefit of the nation.

Last year, Nuklear Malaysia experts developed non-destructive testing of civil structures when assisting the International Atomic Energy Agency (IAEA) in the reconstruction of Beirut, which was rocked by a massive blast at its port in August 2020.

Nuklear Malaysia traces its origins in the early 1970s through the setting up of Tun Dr Ismail Atomic Research Centre (Puspati) and placed under the Prime Minister's Department in 1983 where it was known as the Nuclear Energy Unit.

It was then moved to Mosti in 1990 where it was known as the Nuclear Research Institute of Malaysia before it was rebranded as Nuklear Malaysia in 2006.

Fasa akhir gubal Dasar Teknologi Nuklear

Bangi: Penggubalan Dasar Teknologi Nuklear Negara (DTNN) kini berada dalam fasa terakhir untuk mendapatkan kelulusan Jemaah Menteri, kata Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Adham Baba.

Katanya, dasar itu bertujuan memperkasakan ekosistem teknologi nuklear di negara ini dalam usaha memacu Malaysia menjadi negara berteknologi tinggi pada masa hadapan.

Beliau menjelaskan, DTNN akan menjadi pemangkin perkembangan kemajuan dan pem-

angunan teknologi nuklear di negara ini kerana ia boleh diukur sebagai teknologi hijau apabila digunakan secara selamat.

"Apabila DTNN digubal, saya yakin masyarakat boleh melihat bagaimana persepsi bahawa teknologi nuklear itu selamat dan boleh diguna untuk membangunkan teknologi.

"Contoh terkini, dengan penggunaan teknologi nuklear, kita berjaya membangunkan baka benih padi IS22. Perdana menteri arahkan MOSTI membangunkan prototaip benih padi ini meng-

gunakan sinaran gamma lanjutan daripada benih padi IS21 yang lalu," katanya.

Beliau ditemui pada Majlis Perasmian Sambutan Jubli Emas Agensi Nuklear Malaysia yang turut dihadiri Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia, Dr Abdul Rahim Harun, di sini semalam.

Pembangunan benih padi IS22

Dr Adham berkata, pembangunan benih padi IS22 sudah berada pada peringkat pembentangan kepada Jawatankuasa Bantuan

Kerajaan Kepada Industri Padi dan Beras (JKKIPB) dan ia boleh cuba ditanam di tempat yang ditetapkan.

"Benih padi IS22 mempunyai keupayaan lebih baik, matang lebih awal, mengeluarkan hasil yang tinggi, boleh hidup dalam keadaan tanah kurang subur serta tahan kemarau serta banjir kilat.

"Secara tidak langsung, dengan keupayaan benih padi IS22 yang dibangunkan Agensi Nuklear Malaysia dengan kerjasama kementerian dan jabatan terba-

bit, ia boleh membantu dalam sekuriti makanan," katanya.

Katanya, sebaik IS22 dijadikan benih padi sah, ia boleh ditanam di semua kawasan Jelapang Padi di Malaysia dan pihaknya akan berbincang dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) supaya dapat memperluaskan tapak penanaman padi negara.

"Kita ada 12 kawasan 'Jelapang Padi' negara dan saya berharap apabila IS22 menjadi benih padi sah, ia boleh ditanam di semua kawasan itu," katanya.

Malaysia rangkul dua anugerah pada Majlis RCA

28 September 2022

Malaysia rangkul dua anugerah pada Majlis RCA

Putrajaya: Malaysia merangkul dua anugerah pada Majlis Anugerah Pencapaian Perjanjian Kerjasama Serantau (RCA) dalam bidang sains dan teknologi nuklear di Vienna, Austria kelmarin.

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) dalam kenyataannya semalam, memaklumkan Agensi Nuklear Malaysia menerima Anugerah Kerjasama Serantau RCA kategori insidusi berikutan pembabit aktif melibatkan kerjasama dalam 141 projek RCA, menganjurkan lebih 68 aktiviti RCA yang memberi manfaat kepada lebih 1,200 personel serta menyediakan 41 pakar teknikal kepada RCA.

"Sebagai penyelaras uta-

ma bagi beberapa projek RCA sejak 2000, Agensi Nuklear Malaysia menyumbang kepada kemajuan sains dan teknologi nuklear di rantau ini dengan menyediakan perkhidmatan perundingan dan analisis bahan dan sumber," menurut Mosti.

Satu lagi anugerah iaitu Anugerah Projek RCA bagi kategori individu diterima oleh pegawai penyelidik kanan di Agensi Nuklear Malaysia Dr Ilham Mukhriz Zainal Abidin yang terbabit secara aktif dengan projek RCA dalam bidang teknik ujian tanpa musnah (NDT) sejak 2012 dan menyumbang kepada promosi aplikasi NDT untuk struktur kejuruteraan awam dan perindustrian.

Majlis Anugerah Pencapaian RCA diadakan sempena ulang tahun ke-50 RCA bagi memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada semua negara anggota, organisasi dan individu atas penyertaan aktif, pencapaian serta komitmen yang kukuh dalam semua program RCA.

RCA adalah perjanjian kerjasama bagi penyelidikan, pembangunan dan latihan dalam bidang sains dan teknologi nuklear sejak 1972 di bawah naungan Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA).

RCA terdiri daripada 22 negara anggota dan Malaysia menjadi negara anggota RCA sejak 1975 melalui Agensi Nuklear Malaysia di bawah MOSTI.

29 September 2022

Kerjasama Malaysia, IAEA di bidang latihan, pendidikan

Kuala Lumpur: Agensi Nuklear Malaysia, agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti), menandatangani *Practical Arrangement* (PA) dengan Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) di Vienna, Austria pada Selasa bagi menjalin kerjasama pendidikan dan latihan dalam bidang radiasi, pengangkutan dan keselamatan sisa radioaktif.

Mosti pada kenyataan memaklumkan, PA itu menggariskan bidang kerjasama antara kedua-dua pihak dalam aspek pendidikan dan latihan bagi ke-

Kerjasama Malaysia, IAEA di bidang latihan, pendidikan

selamatan radiasi, pengangkutan dan sisa di rantau Asia Pasifik.

"PA ini turut menegaskan semula kepentingan kerjasama sebagai cara mempromosikan pendekatan bersepadu untuk pembangunan bidang pendidikan dan latihan, menyokong program kerjasama teknikal yang lebih berkesan serta memastikan penyelarasan dan pelengkap aktiviti," katanya.

PA itu ditandatangani oleh Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia Dr Abdul

Rahim Harun dan Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan dan Keamanan Nuklear Lydie Evrard serta disaksikan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Dr Adham Baba.

Menurut Mosti, Malaysia dan IAEA akan terus bekerjasama

ma untuk membantu negara anggota IAEA yang lain dalam bidang latihan dan pembangunan kapasiti, memperkukuh usaha penyelidikan serta pertukaran dan penyebaran maklumat yang berkesan.

Sementara itu, Dr Adham

yang menyertai Persidangan Agung IAEA ke-66 di Vienna daripada 27 hingga 30 September turut menyampaikan Kenyataan Negara yang menekankan komitmen Malaysia untuk memupuk kerjasama yang lebih erat dengan IAEA ke arah mencapai matlamat dan kepentingan bersama. "Malaysia menghargai sokongan IAEA dalam projek kajian koordinasi untuk memupuk perkongsian maklumat saintifik dan teknikal. "Malaysia juga berbesar

hati diiktiraf IAEA sebagai Pusat Kerjasama IAEA dalam bidang pemprosesan radiasi, ujian tanpa musnah termaju dan pembiakbakaan mutasi aruhan tumbuhan," menurut kenyataan itu.

Sehubungan itu, Malaysia berharap untuk memperbaharui pengiktirafan sebagai Pusat Kerjasama IAEA supaya pengalaman dan kepakaran Malaysia dapat terus dikongsikan dengan negara anggota yang lain. - Bernama

“Malaysia juga berbesar hati diiktiraf IAEA sebagai Pusat Kerjasama IAEA dalam bidang pemprosesan radiasi Dr Adham

Talking sense on rare earths

CONTROVERSY over the mining and processing of rare earths has surfaced yet again. Despite the known scientific facts confirming that rare earths are safe when properly handled, the detractors are again spouting off their inaccurate pronouncements after the Perak state government said it would go ahead with the mining of lanthanide in Gerik.

Their action may deny states with viable deposits of rare earths the opportunity to inject new vigour into their economy.

It is time for people in authority, including radiation experts from academia and the Malaysia Nuclear Agency, to come forward, clear the air and put a stop once and for all to the fault-finding.

A recent conversation with a rare earths expert provided some clear information about this unique metal. Rare earths are the 15 elements in the periodic table known as the Lanthanide series, plus Yttrium, that tend to occur in the same ore deposits.

Their complex atomic structure provides each of them very specific properties such as optical, magnetic, electrical and chemical. Once

separated, purified and, in some cases, combined, each rare earth element is essential for a variety of applications. Examples include energy-efficient electric motors, semiconductors, medical scanners and many more.

A popular application is the manufacture of permanent magnets. Permanent magnets made with the rare earth elements neodymium and praseodymium allow electric motors to achieve 15% to 30% reduced energy consumption. This allows electric cars to reduce the size of their batteries, which are major cost components in the production of such vehicles.

As cars go electric, the demand for high power electrical motors will increase. The rare earth elements dysprosium and terbium, which improve magnet temperature resistance, will therefore be in high demand.

Another fast-growing market segment for rare earth elements is the production of new generation semiconductors. As evident from the current trade scuffle between the United States and China, semiconductor chips will continue to be a much sought-after material. So

will the energy-efficient motors relying on rare earths-based permanent magnets.

In fact, the energy-efficient automotive industry is among the few that did not suffer the adverse effects of the Covid-19 pandemic. It actually grew by 16% in 2021 and 20% in 2022, and is expected to deliver around 10% growth in the coming 10 years as the world continues to improve on energy efficiency to reduce CO2 emissions.

Malaysia stands to gain from this development if we play our cards right. So far, others are benefiting from the rare earths that are available at our doorstep. Vietnam, for example, has developed the third biggest magnet manufacturing base in the world, behind China and Japan, using all the rare earths produced by Lynas. It is estimated that this manufacturing venture generated around 5,000 direct jobs.

Leveraging its unique position as a country with a local supply of rare earths, Malaysia could trigger the development of a locally based 10,000 tonne (10% of the growth expected from 2020 to 2030) super magnet factory that could create up to 3,000 jobs for an investment of

RM1bil. In fact, Lynas is critical to Malaysia as much as it is critical to all downstream projects worldwide.

So, instead of criticising the states that are planning to exploit their own rare earths deposits, the detractors should provide them with guidelines on how to make the mining sustainable and responsible. And with the current available technology, this is not impossible.

Many countries around the world, including Indonesia and the Philippines, have embraced responsible mining techniques that do not harm the environment.

And instead of just mining and selling the refined rare earths metals, we should encourage the states to attract investments, both foreign and local, in the downstream products such as permanent magnets and energy-efficient motors.

We must be sensible when talking about rare earths. Otherwise, we may live to regret it.

**PROFESSOR DATUK DR
AHMAD IBRAHIM**
Tan Sri Omar Centre for STI
Policy
UCSI University

Online Media

Content : Online Media

DATE	ARTICLE	ONLINE MEDIA	PAGE
7 March 2022	Sektor pertanian dan perikanan rugi RM10 juta akibat banjir	bharian.com.my	28
7 March 2022	Sektor pertanian dan perikanan rugi RM10 juta akibat banjir	Youtube.com	29
9 March 2022	Kerajaan arah hasilkan benih padi yang tahan banjir	bharian.com.my	30 – 31
9 March 2022	MOSTI diminta bangunkan 2 varieti padi baharu - PM	hmetro.com.my	32 – 33
9 March 2022	MOSTI perlu tumpu kepada dua jenis benih padi, tingkat hasil pesawah	Bernama.com	34
9 March 2022	PM arah Mosti kaji benih padi tahan lasak	kosmo.com.my	35
9 March 2022	MOSTI, MARDI diminta bangunkan padi baharu tahan banjir: PM	sinarharian.com.my	36 – 37
9 March 2022	MOSTI diminta tumpu pembangunan dua jenis benih padi yang mampu beri pulangan baik - PM	rtm.gov.my	38
9 March 2022	MOSTI perlu tumpu dua jenis benih padi, tingkat hasil pesawah	melakahariini.my	39 – 40
9 March 2022	PM arah MOSTI kaji dua jenis benih padi, kurangkan kos pesawah	astroawani.com	41 – 42
9 March 2022	Penyelidik perlu ketengahkan R&D inovasi agromakanan	edisi9.com.my	43 – 44

Content : Online Media

DATE	ARTICLE	ONLINE MEDIA	PAGE
9 March 2022	MOSTI diminta hasilkan benih padi tahan perubahan cuaca	malaysiagazette.com	45 – 46
9 March 2022	Penyelidik perlu bantu bangun inovasi agromakanan negara	bebasnews.my	47 – 48
9 March 2022	Majlis penyerahan padi IS21 oleh Perdana Menteri	Youtube.com	49
9 March 2022	Majlis penyerahan padi IS21 oleh Perdana Menteri	Facebook.com	50
9 March 2022	MARPA, ANM pacu perubahan tanggapan negatif terhadap nuklear	trdi.my	51
11 March 2022	Nuklear Malaysia working to enhance resilience of padi seeds	selangorjournal.my	52 – 53
11 March 2022	Agensi Nuklear Malaysia buat kajian benih padi tahan banjir	malaysiagazette.com	54 – 55
11 March 2022	Nuklear Malaysia works to enhance padi seeds	themalaysianinsight.com	56
12 March 2022	Padi IS21 tingkat pendapatan pesawah, kos lebih rendah	utusan.com.my	57 – 59
13 March 2022	Teknologi nuklear hasil varieti padi IS21, pengeluaran lebih tinggi	Jurnal.my	60 – 63
10 April 2022	Kunjungan hormat delegasi Agensi Nuklear Malaysia	lada.gov.my	64 – 65

Content : Online Media

DATE	ARTICLE	ONLINE MEDIA	PAGE
15 April 2022	Abdul Rahim dilantik Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia	bharian.com	66 – 67
15 April 2022	Abdul Rahim dilantik Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia baharu	astroawani.com	68 – 69
15 April 2022	Dr. Abdul Rahim Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia Baharu	buletintv3.my	70
15 April 2022	Abdul Rahim appointed as new Malaysian Nuclear Agency DG	themalaysianreserve.com	71
15 April 2022	Dr. Abdul Rahim Harun dilantik sebagai Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia	lifenewsagency.com	72 – 73
25 April 2022	MOSTI lancar bagang penangkapan bilis terapung biokomposit	Utusan.com.my	74 – 75
26 April 2022	100 veteran TLDM Sabah ada pendapatan baharu	sinarharian.com	76 – 77
6 May 2022	Pelitup muka Makmal NIOSH uji keselamatan, kualiti pelitup muka - NIOSH	www.astroawani.com	79
16 May 2022	Lawatan kerjasama penyelidikan ke fasiliti penyinaran getah asli (RAYMINTEX PLANT), Agensi Nuklear Malaysia (ANM)	fbkt.umk.edu.my	80

Content : Online Media

DATE	ARTICLE	ONLINE MEDIA	PAGE
3 June 2022	MAFI disaran perluas penanaman padi benih IS21	www.sinarharian.com.my	81
4 June 2022	Genjot produksi, Malaysia perluas budidaya padi berteknologi tinggi	pertanian.sariagri.id	83
7 June 2022	Pesawah di Terengganu terima benih padi IS21	www.mkn.gov.my	84
28 June 2022	Benih asas padi IS21 bakal tingkat produktiviti pengeluaran padi dan beras	berita.rtm.gov.my	87
18 July 2022	Lawatan turun padang Datuk KSU ke Nuklear Malaysia	www.mosti.gov.my	88
24 July 2022	Benih padi NMR151 sesuai tanah masam kelat	www.utusan.com.my	89
24 July 2022	Kajian varieti padi baharu tingkat pengeluaran beras	sinarharian.com.my	90
5 August 2022	JAKM bawa inovasi, peluang kerjaya untuk rakyat Sarawak	www.utusanborneo.com.my	91-92
30 August 2022	MCMC meterai kerjasama dengan UniKL, MBOT, Agensi Nuklear Malaysia bangunkan bakat digital negara	www.astroawani.com	93 – 94

Content : Online Media

DATE	ARTICLE	ONLINE MEDIA	PAGE
19 September 2022	Penggubalan Dasar Teknologi Nuklear Negara fasa terakhir	www.buletintv3.my	95
19 September 2022	Penggubalan Dasar Teknologi Nuklear Negara fasa terakhir	origin.bharian.com.my	96
19 September 2022	Using nuclear science to better feed Malaysians	www.thestar.com.my	97
19 September 2022	Benih varieti IS22 dalam proses pengesahan sebagai padi sah	berita.rtm.gov.my	98
21 September 2022	Keperluan teknologi nuklear beri kesan positif, masyarakat perlu ubah persepsi	berita.rtm.gov.my	99
21 September 2022	Silibus teknologi nuklear bakal diajar di sekolah	malaysiagazette.com	100
27 September 2022	Malaysia rangkul dua anugerah dalam sains dan teknologi nuklear di Vienna	www.utusanborneo.com.my	101
27 September 2022	Malaysia wins two RCA awards in nuclear science and technology	www.nst.com.my	102
27 September 2022	Malaysia bags 2 awards for nuclear advancement contributions	themalaysianreserve.com	103
27 September 2022	Malaysia rangkul dua anugerah dalam sains dan teknologi nuklear di Vienna	tvstv.my	104

Content : Online Media

DATE	ARTICLE	ONLINE MEDIA	PAGE
27 September 2022	Malaysia rangkul dua anugerah dalam sains dan teknologi nuklear di Vienna	berita.rtm.gov.my	105
27 September 2022	Malaysia rangkul dua anugerah dalam sains, teknologi nuklear	www.astroawani.com	106
18 October 2022	Lawatan ke hari terbuka Agensi Nuklear Malaysia	semashur.edu.my	107
21 December 2022	Batang Kali landslide: First time as Malaysia uses GPR detector to trace victims	selangorjournal.my	108
22 December 2022	Bagaimana teknologi GPR bantu kesan mangsa tanah runtuh	www.bharian.com.my	109 – 110
28 December 2022	Alat pengesan GPR bantu operasi SAR kesan jasad manusia	Youtube.com	111

Online Media

7 March 2022

Sektor pertanian dan perikanan rugi RM10 juta akibat banjir



Dr Azman melawat gerai pameran selepas merasmikan Persidangan Perlindungan Sinaran 2020, hari ini.
Foto NSTP/Baharom Bakar

KUALA TERENGGANU: Kerajaan negeri menganggarkan kerugian dialami petani dan penternak mencecah RM10 juta disebabkan banjir luar biasa, Ahad lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa, Dr Azman Ibrahim, berkata paling teruk terjejas disebabkan banjir luar biasa yang melanda negeri ini adalah sektor pertanian.

Katanya, kerajaan menganggarkan puluhan ribu hektar tanaman kontan terutama tembikai ditenggelami air.

"Kita masih mengumpul data bagi menentukan jumlah keseluruhan kerugian dialami disebabkan kawasan pertanian ditenggelami air.

"Secara keseluruhan, banjir luar biasa yang melanda adalah di kawasan pertanian dan perikanan," katanya kepada media selepas mewakili Menteri Besar, Datuk Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar merasmikan Persidangan Perlindungan Sinaran 2020, di sini, hari ini.

Yang turut hadir adalah Presiden Persatuan Perlindungan Sinaran (MARPA), Mohd Sidek Othman. Mengulas lanjut, Dr Azman yang juga Ahli Dewan Undangan negeri (ADUN) Jabi berkata, selain kawasan pertanian ditenggelami air, ribuan sangkar ikan juga musnah, manakala puluhan ribu ikan ditenak juga mati.

Katanya, kerajaan negeri akan membantu untuk menyalur bantuan kepada petani dan pengusaha sangkar ikan menggunakan dana daripada tabung bencana pertanian.

<https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2022/03/931078/sektor-pertanian-dan-perikanan-rugi-rm10-juta-akibat-banjir>

Sektor pertanian dan perikanan rugi RM10 juta akibat banjir

7 March 2022



KUALA TERENGGANU: Kerajaan negeri menganggarkan kerugian dialami petani dan penternak mencecah RM10 juta disebabkan banjir luar biasa, Ahad lalu..

<https://www.youtube.com/watch?v=kXAUgX3rvCw&t=14s>

9 March 2022

Kerajaan arah hasilkan benih padi yang tahan banjir



Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menyerahkan simbolik benih padi IS21 kepada wakil penerima Pertubuhan Peladang Kawasan Endau, Zainee Daud (kanan) pada majlis penyerahan benih padi IS21 di Felcra Sri Mahkota, Endau, hari ini. - Foto BERNAMA.

MERSING: Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, mengarahkan pembangunan varieti padi baharu yang tidak rosak apabila ditenggelami banjir serta tidak menggunakan air yang banyak.

Perdana Menteri meminta Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) bekerjasama bagi membangunkan dua varieti padi baharu itu.

Katanya, langkah itu bukan sahaja mampu mengurangkan kerugian ditanggung pesawah serta petani apabila bencana banjir menenggelamkan sawah padi, malah boleh membantu mereka menjimatkan kos.

"Di Filipina dan India ada benih padi yang tahan apabila ditenggelami air banjir. Negara kita ketika ini tak tentu bila berlaku banjir, kadangkala masa padi sedang ranum atau pun anak padi sedang membesar tetapi ditenggelami banjir sehingga tanaman padi musnah.

"Keduanya, padi yang tidak memerlukan air yang banyak dan menggunakan kaedah siraman seperti pokok bunga, jadi ia tak perlu tali air yang memerlukan belanja besar, hanya guna 'sprinkler' (penyembur), sekali gus mengurangkan kos dan meningkatkan pendapatan.

Kerajaan arah hasilkan benih padi yang tahan banjir

9 March 2022

"Sebelum ini, MARDI ada membangunkan varieti padi tidak menggunakan banyak air, namun hasil pengeluarannya tidak tinggi dan hanya antara tiga tan dan empat tan. Oleh itu, saya berpendapat MOSTI dan MARDI perlu bekerjasama membangunkan dua varieti padi baharu ini supaya ia lebih berkualiti dan dapat membantu pesawah kita," katanya.

Beliau berkata demikian ketika melancarkan Majlis Penyerahan Benih Padi IS21 kepada Komuniti Endau, di FELCRA Sri Mahkota Endau, di sini, hari ini. Hadir sama, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Adham Baba serta Menteri Perpaduan Negara, Datuk Halimah Mohamed Sadique.

Pada program itu, Ismail Sabri, yang juga Ahli Parlimen Bera turut menyampaikan 500 guni benih padi IS21 seberat 20 kilogram (kg) setiap satu kepada wakil komuniti Endau.

Benih padi IS21 itu dihasilkan Agensi Nuklear Malaysia, agensi di bawah MOSTI yang dijana melalui teknologi nuklear. Ismail Sabri berkata, benih padi IS21 itu dilancarkan olehnya pada 20 November lalu di Sekinchan, Selangor.

"Alhamdulillah, pesawah dan petani yang menggunakan padi benih IS21 ini memberi maklum balas positif. Lebih istimewa, kos pengurusan sawah juga dapat dikurangkan memandangkan penanaman padi jenis ini tidak memerlukan penggunaan baja yang banyak.

"Berdasarkan maklum balas ini, saya percaya, jika diperluaskan penggunaan benih padi IS21 di Endau, pesawah dan petani juga akan dapat menikmati manfaat dari segi peningkatan pendapatan dan seterusnya, taraf hidup mereka," katanya.

Perdana Menteri berkata, baka padi IS21 itu juga berpotensi menghasilkan padi sehingga sembilan tan sehektar mengikut kawasan penanaman dan amalan kultur pesawah jika diurus dengan baik mengikut garis panduan yang disyorkan.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/03/932086/kerajaan-arahan-hasilkan-benih-padi-yang-tahan-banjir>

9 March 2022

MOSTI diminta bangunkan 2 varieti padi baharu - PM



ISMAIL Sabri (dua, kiri), menyampaikan benih padi kepada wakil pesawah ketika Majlis Penyerahan Benih Padi IS21, di Balai Raya Kampung Semaloi, Mersing. FOTO Mohamad Shahril Badri Saadi

MERSING: Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, mengarahkan pembangunan varieti padi baharu yang tidak rosak apabila ditenggelami banjir serta tidak menggunakan air yang banyak.

Perdana Menteri meminta Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) bekerjasama bagi membangunkan dua varieti padi baharu itu.

Katanya, langkah itu bukan sahaja mampu mengurangkan kerugian ditanggung pesawah serta petani apabila bencana banjir menenggelamkan sawah padi, malah boleh membantu mereka menjimatkan kos.

"Di Filipina dan India ada benih padi yang tahan apabila ditenggelami air banjir. Negara kita ketika ini tak tentu bila berlaku banjir, kadangkala masa padi sedang ranum atau pun anak padi sedang membesar tetapi ditenggelami banjir sehingga tanaman padi musnah.

"Keduanya, padi yang tidak memerlukan air yang banyak dan menggunakan kaedah siraman seperti pokok bunga, jadi ia tak perlu tali air yang memerlukan belanja besar, hanya guna 'sprinkler' (penyembur), sekali gus mengurangkan kos dan meningkatkan pendapatan.

MOSTI diminta bangunkan 2 varieti padi baharu - PM

9 March 2022

"Sebelum ini, MARDI ada membangunkan varieti padi tidak menggunakan banyak air, namun hasil pengeluarannya tidak tinggi dan hanya antara tiga tan dan empat tan. Oleh itu, saya berpendapat MOSTI dan MARDI perlu bekerjasama membangunkan dua varieti padi baharu ini supaya ia lebih berkualiti dan dapat membantu pesawah kita," katanya.

Beliau berkata demikian ketika melancarkan Majlis Penyerahan Benih Padi IS21 kepada Komuniti Endau, di FELCRA Sri Mahkota Endau, di sini, hari ini.

Hadir sama, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Adham Baba serta Menteri Perpaduan Negara, Datuk Halimah Mohamed Sadique.

Pada program itu, Ismail Sabri, yang juga Ahli Parlimen Bera turut menyampaikan 500 guni benih padi IS21 seberat 20 kilogram (kg) setiap satu kepada wakil komuniti Endau.

Benih padi IS21 itu dihasilkan Agensi Nuklear Malaysia, agensi di bawah MOSTI yang dijana melalui teknologi nuklear.

Ismail Sabri berkata, benih padi IS21 itu dilancarkan olehnya pada 20 November lalu di Sekinchan, Selangor.

"Alhamdulillah, pesawah dan petani yang menggunakan padi benih IS21 ini memberi maklum balas positif. Lebih istimewa, kos pengurusan sawah juga dapat dikurangkan memandangkan penanaman padi jenis ini tidak memerlukan penggunaan baja yang banyak.

"Berdasarkan maklum balas ini, saya percaya, jika diperluaskan penggunaan benih padi IS21 di Endau, pesawah dan petani juga akan dapat menikmati manfaat dari segi peningkatan pendapatan dan seterusnya, taraf hidup mereka," katanya.

Perdana Menteri berkata, baka padi IS21 itu juga berpotensi menghasilkan padi sehingga sembilan tan sehektar mengikut kawasan penanaman dan amalan kultur pesawah jika diurus dengan baik mengikut garis panduan yang disyorkan.

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2022/03/819137/mosti-diminta-bangunkan-2-varieti-padi-baharu-pm>

9 March 2022

MOSTI perlu tumpu kepada dua jenis benih padi, tingkat hasil pesawah



Perdana Menteri Ismail Sabri Yaakob (tengah), menyampaikan simbolik benih padi kepada wakil penerima Pertubuhan Peladang Kawasan Endau, Zainee Daud (Kanan) ketika Majlis Penyerahan Benih Padi IS21 kepada komuniti di perkampungan Felcra Sri Mahkota, Endau hari ini. Turut hadir Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Adham Baba (Kiri).

<https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2060139>

PM arah Mosti kaji benih padi tahan lasak

9 March 2022



Ismail Sabri menyampaikan replika benih padi IS21 kepada wakil Komuniti sempena Majlis Penyerahan Benih Padi IS21 kepada Komuniti sambil diperhatikan oleh Datuk Seri Dr Adham Baba di Kampung Semaloi, Endau Mersing hari ini. - Foto oleh RAJA JAAFAR ALI

MERSING – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) diarah membangunkan penggunaan varieti benih padi yang tahan lasak terutama bagi menghadapi bencana banjir yang tidak menentu ketika ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, beberapa negara seperti Filipina dan India sudah menggunakan padi tersebut yang didapati tidak rosak apabila ditenggelami air untuk beberapa ketika.

Kata beliau, Mosti dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) juga diminta mengkaji benih padi yang tidak memerlukan penggunaan air yang banyak bagi menjimatkan kos.

“Kita sebagai negara yang tidak menentu bila berlaku banjir ketika ini, kadang-kadang waktu padi sedang meranum tiba-tiba ditenggelami air dan akhirnya padi atau anak-anak padi musnah.

“Saya minta Mosti lihat perkara ini iaitu (kalau berlaku) banjir sekali pun tanaman padi tidak rosak bila ditenggelami air. Ini juga boleh bantu pesawah mengelak kerugian seperti baru-baru ini banyak padi di sawah musnah akibat banjir,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap selepas menyampaikan 500 guni benih padi IS21 seberat 20 kilogram (kg) setiap satu kepada wakil komuniti Endau di Felcra Seri Mahkota, Endau, hari ini.

9 March 2022

MOSTI, MARDI diminta bangunkan padi baharu tahan banjir: PM



Ismail Sabri (tengah) menyerahkan simbolik benih padi IS21 kepada wakil komuniti di Felcra Sri Mahkota Endau, Mersing pada Rabu.

MERSING – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) diminta bekerjasama membangunkan dua varieti padi baharu yang tahan lasak ditenggelami banjir dan tidak perlu menggunakan air yang banyak.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, pembangunan dua varieti padi baharu itu dapat mengurangkan kerugian ditanggung pesawah serta petani apabila bencana banjir menenggelamkan sawah padi malah boleh meningkatkan pendapatan.

"Di Filipina dan India ada benih padi yang tahan apabila ditenggelami air banjir. Negara kita ketika ini tidak tentu bila berlaku banjir, kadangkala masa padi sedang ranum atau pun anak padi sedang membesar tetapi ditenggelami banjir sehingga tanaman padi musnah.

"Keduanya, padi yang tidak memerlukan air yang banyak dan menggunakan kaedah siraman seperti pokok bunga, jadi ia tak perlu tali air yang memerlukan belanja besar, namun hanya guna sprinkler sekali gus mengurangkan kos dan meningkatkan pendapatan.

"Sebelum ini, MARDI ada membangunkan varieti padi tidak menggunakan banyak air namun hasil pengeluarannya tidak tinggi dan hanya antara tiga dan empat tan sahaja. Oleh itu, saya berpendapat MOSTI dan MARDI perlu bekerjasama membangunkan dua varieti padi baharu ini supaya ia lebih berkualiti dan dapat membantu pesawah kita," katanya.

MOSTI, MARDI diminta bangunkan padi baharu tahan banjir: PM

9 March 2022

Beliau berkata demikian ketika melancarkan Majlis Penyerahan Benih Padi IS21 kepada komuniti di Felcra Sri Mahkota Endau, di sini pada Rabu.

Hadir sama, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Adham Baba dan Menteri Perpaduan Negara, Datuk Halimah Mohamed Sadique.

Dalam program itu, Ismail Sabri yang juga Ahli Parlimen Bera turut menyampaikan 500 guni benih padi IS21 seberat 20 kilogram (kg) setiap satu kepada wakil komuniti Endau.

Benih padi IS21 itu dihasilkan Agensi Nuklear Malaysia, agensi di bawah MOSTI yang dijana melalui teknologi nukleer.

<https://m.sinarharian.com.my/mobile-article?articleid=238464>

9 March 2022

MOSTI diminta tumpu pembangunan dua jenis benih padi yang mampu beri pulangan baik - PM



(Ismail Sabri berucap pada Majlis Penyerahan Benih Padi IS 21 kepada Komuniti Endau di Mersing)

MERSING, 9 Mac - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, (MOSTI) diminta menumpukan usaha pembangunan dua jenis benih padi yang mampu memberikan pulangan baik dan berkualiti tinggi. Langkah itu diperlukan lebih-lebih lagi dalam keadaan cuaca yang tidak menentu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata benih padi berkenaan dikenal pasti tahan lasak apabila ditenggelami air dan tidak menggunakan kuantiti air yang banyak.

"Kita sebagai sebuah negara yang tidak tentu bila berlaku banjir, ketika ini kadang-kadang padi sedang ranum tiba-tiba ditenggelami air dan akhirnya musnah atau anak-anak padi sedang membesar ditenggelami air boleh musnah," katanya.

Beliau berucap pada Majlis Penyerahan Benih Padi IS 21 kepada Komuniti Endau di Mersing, di sini hari ini Benih padi berkenaan turut diguna pakai sektor pertanian Filipina dan India.

<https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/36202-mosti-diminta-tumpu-pembangunan-dua-jenis-benih-padi-yang-mampu-beri-pulangan-baik-pm>

MOSTI perlu tumpu dua jenis benih padi, tingkat hasil pesawah

9 March 2022



PERDANA Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob

MERSING, 9 Mac – Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob meminta Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) memberi tumpuan kepada penghasilan dua jenis benih yang mampu memberi pulangan serta kualiti hasil padi yang baik.

Beliau berkata kedua-dua jenis melibatkan benih yang berdaya tahan apabila ditenggelami banjir dan tidak menggunakan kuantiti air yang banyak.

“Di beberapa negara seperti di Filipina dan India, mereka mempunyai benih padi yang tahan apabila ditenggelami air dan kita sebagai sebuah negara yang tak tentu bila berlaku banjir ketika ini, kadang-kadang waktu padi sedang meranum, tiba-tiba ditenggelami air dan akhirnya padi musnah.

“Anak-anak padi yang sedang membesar juga mudah ditenggelami air dan musnah, jadi saya minta MOSTI lihat benih ini jika banjir sekalipun, tanaman padi pesawah tidak akan rosak apabila ditenggelami air untuk beberapa ketika,” katanya.

Ismail Sabri berkata demikian semasa berucap pada Majlis Penyerahan Benih Padi IS21 kepada komuniti di Felcra Sri Mahkota di Endau hari ini.

9 March 2022

MOSTI perlu tumpu dua jenis benih padi, tingkat hasil pesawah

Justeru, beliau meminta MOSTI dan MARDI meneruskan kajian supaya hasil yang diperoleh tidak terlalu rendah sekali gus dapat membantu pesawah mengurangkan kos dan memberi keuntungan kepada mereka.

"MARDI telah membuat kajian benih padi ditanam bukan di sawah yang perlukan air bertakung iaitu ia hanya perlu disiram seperti pokok bunga dan tidak memerlukan tali air.

"Saya juga telah lancarkan di Pulau Pinang sebelum ini cuma ketika itu, hasilnya agak rendah jadi kita mahu MOSTI dan MARDI buat kajian supaya hasil tidak terlalu rendah," katanya.

Perdana Menteri juga menyeru agar lebih ramai penyelidik tempatan dalam pelbagai bidang kepakaran tampil mengetengahkan penyelidikan dan pembangunan serta menggembelng tenaga bagi membangunkan inovasi agromakanan negara.

Beliau berkata ini kerana kerajaan sentiasa berusaha memastikan usaha mempertingkatkan produktiviti industri padi dilakukan secara proaktif termasuk memperkenalkan teknologi terkini bagi mendepani cabaran dan memperkasa keupayaan.

"Saya juga telah dimaklumkan bahawa MOSTI telah memberikan dana penyelidikan kepada syarikat Pengeluar Padi Sah di Sekinchan dengan kerjasama Agensi Nuklear bagi membangunkan Loji Pengeluaran Benih Asas Padi IS21 mengikut piawaian SOP antarabangsa bagi menghasilkan benih sah yang berkualiti tinggi," katanya.

Mengulas benih padi IS21 yang dilancarkan pada November tahun lepas di Sekinchan, Selangor, Ismail Sabri berkata pesawah dan petani yang menggunakannya telah memberikan maklum balas positif.

Justeru, beliau percaya jika penggunaan benih itu dilebar luas di Endau, pesawah dan petani akan dapat menikmati manfaat dari segi peningkatan pendapatan serta taraf hidup mereka.- BERNAMA

<https://www.melakahariini.my/mosti-perlu-tumpu-dua-jenis-benih-padi-tingkat-hasil-pesawah/>

PM arah MOSTI kaji dua jenis benih padi, kurangkan kos pesawah

9 March 2022



Ismail Sabri turut menggesa kajian untuk menghasilkan benih padi yang tidak memerlukan kuantiti air yang banyak. - Astro AWANI

MERSING: Kerajaan mengarahkan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) untuk menghasilkan dua jenis benih padi yang meningkatkan tahap kualiti pengeluaran.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, langkah itu diperlukan apabila melihat kepada cuaca di negara ini yang dalam keadaan tidak menentu.

"Kita sebagai negara yang tidak menentu (cuaca), kadang-kadang padi sedang meranum, adakalanya ditenggelami air dan akhirnya padi musnah.

"Saya minta MOSTI untuk lihat sekiranya berlaku banjir sekalipun, tanaman padi pesawah tak akan rosak bila tenggelam untuk beberapa ketika," katanya ketika berucap merasmikan Majlis Penyerahan Benih Padi IS21 di Felcra Sri Mahkota, Endau pada Rabu.

Selain itu, Ismail Sabri turut menggesa kajian untuk menghasilkan benih padi yang tidak memerlukan kuantiti air yang banyak.

9 March 2022

PM arah MOSTI kaji dua jenis benih padi, kurangkan kos pesawah

Ujarnya, kajian ini juga telah dilakukan pihak Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian Malaysia (MARDI) namun penghasilan benih masih dalam kuantiti yang rendah.

“Tanaman di sawah tak perlukan takungan air yang banyak dan ia hanya perlu disiram seperti pokok bunga.

“Jadi tak perlu tali air dan hanya boleh guna seperti penyembur air sama seperti tanaman sayuran yang gunakan kaedah itu,” katanya lagi.

Tambah Perdana Menteri, usaha itu juga bertujuan untuk memastikan golongan pesawah tidak terbeban dengan kos yang tinggi, sebaliknya mampu meraih keuntungan.

Sementara itu, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, MOSTI akan bekerjasama dengan Agensi Angkasa Negara Malaysia (Angkasa) untuk mengenal pasti tanah-tanah yang sesuai untuk penanaman dua jenis benih padi tersebut.

Bercakap mengenai benih padi IS21, kajian itu juga sebelum ini dimulakan pada 2017 sebelum dikeluarkan sepenuhnya pada 2021.

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pm-arrah-mosti-kaji-dua-jenis-benih-padi-kurangkan-kos-pesawah-350857>

Penyelidik perlu ketengahkan R&D inovasi agromakanan

9 March 2022



Ismail Sabri Yaakob secara simbolik menyerahkan benih padi IS21 kepada wakil komuniti di Endau, Mersing hari ini, Turut sama Dr Adham Baba.

PARA penyelidik tempatan dalam pelbagai bidang diminta tampil mengetengahkan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan mengembleng tenaga bagi membangunkan inovasi agromakanan negara. Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, langkah itu dapat membantu mmpertingkatkan produktiviti terutama industri padi melalui teknologi terkini bagi mendepani cabaran serta memperkasa keupayaan.

Sebagai contoh, beliau berkata, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah memberi dana penyelidikan kepada syarikat pengeluar padi sah di Sekinchan, Selangor untuk menghasilkan benih sah yang berkualiti tinggi.

Katanya, penyelidikan tersebut dijalankan dengan kerjasama Agensi Nuklear bagi membangunkan Loji Pengeluaran Benih Asas Padi IS21 mengikut piawaian prosedur operasi standard (SOP) antarabangsa. "Semasa saya di Kementerian Pertanian, terdapat beberapa cadangan untuk menghasilkan benih padi yang berkualiti tinggi untuk meningkatkan pendapatan petani dan pesawah.

"Saya melihat terdapat dua jenis benih padi. Pertama, jenis benih padi yang tahan jika ditenggelami air. Di beberapa negara seperti Filipina dan India sudah ada. Sekiranya berlaku banjir sekali pun, tanaman padi tidak akan rosak jika ditenggelami air.

"Yang kedua, jenis benih padi yang tidak menggunakan air yang banyak. MARDI telah menjalankan kajian ini, di mana padi itu tidak memerlukan air yang banyak seperti penggunaan tali air. Ia hanya memerlukan sprinkler.

"Kajian dan ujian telah pun dijalankan, cuma ketika itu dari segi hasilnya agak rendah iaitu antara 3 hingga 4 tan (sehektar) sahaja," kata Perdana Menteri semasa Majlis Penyerahan Benih Padi IS21 kepada komuniti di Endau, Mersing, Johor hari ini.

Ismail Sabri berkata, justeru beliau berharap MOSTI dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dapat bekerjasama menjalankan kajian agar benih padi jenis berkenaan mampu mengeluarkan hasil yang lebih banyak.

Kata beliau, jika usaha terserbu berjaya, hasil pengeluarannya sudah tentu lebih tinggi dan dapat memberi keuntungan kepada petani.

Mengenai benih IS21, Perdana Menteri berkata, ia merupakan benih padi baharu berteknologi tinggi yang telah dihasilkan oleh Agensi Nuklear Malaysia dan dilancarkan pada November tahun lalu di Sekinchan, Selangor.

"Alhamdulillah, para pesawah dan petani yang telah menggunakan padi benih IS21 ini telah memberi maklum balas positif.

"Lebih istimewa, kos pengurusan sawah juga telah dapat dikurangkan memandangkan penanaman padi jenis ini tidak memerlukan penggunaan baja yang banyak," kata beliau.

Ismail Sabri berkata, berdasarkan maklum balas tersebut, beliau percaya jika dilebar luas penggunaan benih padi IS21 di Endau, para pesawah dan petani juga akan dapat menikmati manfaat daripada segi peningkatan pendapatan dan seterusnya taraf hidup mereka.

Beliau berkata, benih padi IS21 tersebut mempunyai daya tahan tinggi terhadap cuaca ekstrem dan mempunyai daya rintang terhadap beberapa penyakit padi yang sering merugikan pesawah.

"Selain itu, baka padi IS21 ini juga berpotensi menghasilkan padi sehingga 9 tan sehektar mengikut kawasan penanaman dan amalan budaya pesawah jika diurus dengan baik mengikut garis panduan yang disyorkan," kata Perdana Menteri. – Edisi 9

<https://www.edisi9.com.my/2022/03/penyelidik-perlu-ketengahkan-rd-inovasi-agromakanan/>

MOSTI diminta hasilkan benih padi tahan perubahan cuaca

9 March 2022



Ismail Sabri menyerahkan benih padi IS21 kepada wakil komuniti petani di Felcra Sri Mahkota, Semalui, Endau, Johor.

MERSING – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) diminta memberi tumpuan untuk menghasilkan dua jenis benih padi yang lebih berdaya tahan terhadap perubahan cuaca.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, penghasilan biji benih padi baharu perlu dilakukan memandangkan hasil tanaman itu terjejas jika terdapat perubahan cuaca.

“Kita sebagai negara yang tidak menentu (cuaca), kadang-kadang padi sedang meranum, ada kalanya ditenggelami air dan akhirnya padi musnah.

“Saya baru bercakap dengan menteri MOSTI untuk melihat mendalam mengenai dua jenis benih padi itu yang mana di beberapa negara seperti di Filipina dan India mereka mempunyai benih padi yang tahan apabila ditenggelami air,” katanya.

Beliau menyatakan demikian ketika berucap pada majlis Penyerahan Benih Padi IS21 di Felcra Sri Mahkota, Semalui Endau, di sini, hari ini.

Perdana Menteri turut meminta kajian dilakukan untuk menghasilkan benih padi yang tidak memerlukan kuantiti air yang banyak untuk hidup dan hanya perlu disiram seperti tanaman bunga dan sayuran.

9 March 2022

MOSTI diminta hasilkan benih padi tahan perubahan cuaca

Katanya, Institut Penyelidikan Dan Pembangunan Pertanian Malaysia (MARDI) telah melakukan kajian mengenainya namun hasil tuainya adalah rendah iaitu antara tiga hingga empat tan sehektar.

Mengulas mengenai benih padi IS21 yang dijana melalui teknologi nuklear dengan kaedah mutasi aruhan sinaran gama, Ismail Sabri berkata, hasilnya positif dengan tuaian mencecah sembilan tan sehektar.

Tambah beliau, kos pengurusan sawah telah dapat dikurangkan memandangkan penanaman padi jenis ini tidak memerlukan penggunaan baja yang banyak.

“Berdasarkan maklum balas ini, saya percaya, jika dilebar luas penggunaan benih padi IS21 di Endau, para pesawah dan petani juga akan dapat menikmati manfaat daripada segi peningkatan pendapatan dan seterusnya taraf hidup mereka.

“Untuk makluman semua, benih padi IS21 ini mempunyai daya tahan tinggi terhadap cuaca ekstrem dan mempunyai daya rintang terhadap beberapa penyakit padi yang sering merugikan pesawah,” ujar beliau.

Ismail Sabri berkata, selain meningkatkan taraf hidup pesawah, pengguna benih padi yang berkualiti dapat mengurangkan kebergantungan negara kepada beras import serta dapat menjamin sekuriti makanan dan menyokong Dasar Agromakanan Negara 2021 – 2030.

Jelasnya, berikutan itu kerajaan sentiasa berusaha memastikan usaha mempertingkatkan produktiviti industri padi dilakukan secara proaktif termasuk memperkenalkan teknologi terkini.

Sementara itu, Menteri Sains, Teknologi Dan Inovasi, Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, pihaknya akan bekerjasama Agensi Nuklear Malaysia dan Agensi Angkasa Negara Malaysia (ANGKASA) untuk meneruskan penyelidikan dan pembangunan dua jenis benih padi baharu itu. – MalaysiaGazette

<https://malaysiagazette.com/2022/03/09/mosti-diminta-hasilkan-benih-padi-tahan-perubahan-cuaca/>

MOSTI diminta hasilkan benih padi tahan perubahan cuaca

9 March 2022



MERSING — Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mahu lebih ramai penyelidik tempatan dalam pelbagai kepakaran menggembelng tenaga bagi membangunkan inovasi agromakanan negara.

Ismail Sabri berkata, "Seperti yang kita sedia maklum, benih padi yang berkualiti boleh membantu negara meningkatkan pengeluaran hasil padi dan membantu meningkatkan tahap sara diri negara.

"Ia juga dapat mengurangkan kebergantungan kepada beras import serta dapat menjamin sekuriti makanan negara dan menyokong Dasar Agromakanan Negara 2021-2030," kata beliau pada Majlis Penyerahan Benih Padi IS21 kepada Komuniti petani dan pesawah, di Endau, Mersing hari ini.

Benih padi IS21 dibangunkan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dengan kerjasama Agensi Nuklear.

Ismail Sabri berkata, bagi memastikan sumber makanan negara terjamin, selamat dan mencukupi, kerajaan sentiasa berusaha ke arah mencari kaedah-kaedah terbaik yang mampu meningkatkan penghasilan padi.

Katanya lagi, sudah pasti golongan yang memainkan peranan paling penting dalam produktiviti industri padi negara adalah para pesawah serta petani dan kebajikan mereka adalah tanggungjawab kerajaan.

9 March 2022

MOSTI diminta hasilkan benih padi tahan perubahan cuaca

Mengulas mengenai jenis padi yang berkualiti, beliau melihat terdapat dua jenis benih padi sedemikian.

"Pertama, jenis benih padi yang tahan jika ditenggelami air. Di beberapa negara seperti Filipina dan India sudah ada. Sekiranya berlaku banjir sekali pun, tanaman padi tidak akan rosak jika ditenggelami air.

"Yang kedua, jenis benih padi yang tidak menggunakan air yang banyak. MARDI telah menjalankan kajian ini, di mana padi itu tidak memerlukan air yang banyak seperti penggunaan tali air.

"Ia hanya memerlukan sprinkler. Kajian dan ujian telah pun dijalankan, cuma ketika itu dari segi hasilnya agak rendah iaitu antara 3 hingga 4 tan sahaja,"katanya.

Sehubungan dengan itu jelasnya lagi, apa yang perlu dilakukan, MOSTI dan MARDI perlu bekerjasama menjalankan kajian supaya benih padi jenis berkenaan mampu mengeluarkan hasil yang lebih banyak.

Beliau menambah, jika ia dapat direalisasikan, hasilnya tentu lebih tinggi dan dapat memberi keuntungan kepada petani. – BebasNews

<https://bebasnews.my/2022/03/09/penyelidik-perlu-bantu-bangun-inovasi-agromakanan-negara/>

Majlis penyerahan padi IS21 oleh Perdana Menteri

9 March 2022



Majlis penyerahan padi IS21 oleh Perdana Menteri

<https://www.youtube.com/watch?v=vPJ1VJmMx9o>

9 March 2022

**Majlis penyerahan padi IS21 oleh
Perdana Menteri**

[LANGSUNG] Majlis Penyerahan Benih Padi IS21 oleh Perdana Menteri

https://www.facebook.com/watch/live/?ref=watch_permalink&v=327723155991301

MARPA, ANM pacu perubahan tanggapan negatif terhadap nuklear

9 March 2022



KUALA TERENGGANU, 9 Mac - Persepsi awam mengenai sinaran nuklear seringkali dikaitkan dengan perkara - perkara ancaman keselamatan dan permusnahan sama ada pada manusia, hidupan liar dan alam sekitar.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Perladangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar Negeri Terengganu, Dr Azman Ibrahim berkata tanggapan ini perlu ditepis dengan memberikan maklumat serta fakta-fakta yang betul kepada masyarakat awam.

"Teknologi nuklear ini mampu menyumbang kepada keselamatan sejagat, kemakmuran ekonomi dan pembangunan negara.

"Malah hakikatnya, teknologi nuklear ini amat penting dalam sektor perubatan dan industri. Seterusnya, aspek keselamatan amat perlu dititikberatkan semasa pengendalian,"katanya.

Beliau berkata demikian mewakili YAB Menteri Besar Terengganu ketika berucap dalam Program Perasmian Raditation Protection Conference & Workshop 2022 di Primula Beach Resort, Kuala Terengganu, Isnin lalu.

"Tahniah diucapkan kepada Persatuan Perlindungan Sinaran Malaysia (MARPA) dan Agensi Nuklear Malaysia atas penganjuran persidangan ini sebagai acara yang penting, landasan terbaik untuk memacu dan memperingkatkan prestasi perlindungan sinaran di sesebuah organisasi.

"Pada waktu yang sama dapat meningkatkan status profesionalisme Pegawai Perlindungan Sinaran di Malaysia,"ujarnya lagi.

<https://www.trdi.my/marpa-anm-pacu-perubahan-tanggapan-negatif-terhadap-nuklear>

9 March 2022

Nuklear Malaysia working to enhance resilience of padi seeds



Farmers planting rice at Sungai Leman in Sekinchan. — Picture by SelangorKini Archives.

PUTRAJAYA, March 11 — The Malaysian Nuclear Agency (Nuklear Malaysia) is working to enhance the resilience of padi seeds to withstand the unpredictable weather in the country.

In a statement today, Nuklear Malaysia said its research team had started research to produce a new padi variety, IS22, in collaboration with Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia and Universiti Teknologi Mara.

It said the agency also receive technical assistance from the International Atomic Energy Agency and Japan Atomic Energy Agency under the Forum for Nuclear Cooperation in Asia platform.

"Nuklear Malaysia has been proactive in finding various improvement methods using the nuclear technology and always take action in regard to global climate change issues," the statement read.

On Wednesday, Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob asked the Science, Technology and Innovation Ministry (MOSTI) to focus on producing two varieties of padi seeds that can give high yields with quality.

Nuklear Malaysia working to enhance resilience of padi seeds

11 March 2022

To produce such varieties, Nuklear Malaysia said its research officer is conducting a study at the doctorate level to obtain flood-resistant padi seeds using the advanced backcross method on the IS21 variety with flood-resistant and early maturing varieties.

Apart from that, the agency is also conducting research on the production of drought-resistant padi seeds using traditional fragrant black padi which is expected to be completed this year.

"This study may take several years and require research funds before a potential variety can be developed for farmers' use," it said.

— Bernama

<https://selangorjournal.my/2022/03/nuklear-malaysia-working-to-enhance-resilience-of-padi-seeds/>

11 March 2022

Agensi Nuklear Malaysia buat kajian benih padi tahan banjir



Gambar hiasan.

KUALA LUMPUR – Agensi Nuklear Malaysia kini sedang menjalankan penyelidikan bagi penghasilan benih padi yang berdaya tahan tinggi jika ditenggelami air khususnya apabila berlaku banjir.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Seri Dr. Adham Baba berkata, penghasilan varieti benih padi yang ditambah baik itu akan diberi nama 'IS22' dan penyelidikan dibuat dengan kerjasama pelbagai institusi pendidikan serta agensi dalam dan luar negara.

"Penyelidikan benih padi 'IS22' ini akan dilakukan bersama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Pertanian Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi Mara (UITM).

Selain itu, turut mendapat bantuan teknikal daripada Badan Tenaga Atom Antarabangsa dan Agensi Tenaga Atom Jepun di bawah platform Forum Nuclear Cooperation in Asia di bawah platform Forum Nuclear Cooperation in Asia," katanya dalam kenyataan hari ini.

Tambah Adham, penyelidikan ini bertujuan menyambut baik permintaan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri ke arah komitmen kerajaan bagi membantu petani dan pesawah agar tidak rugi jika tanaman mereka terjejas berikutan cuaca ekstrem tidak menentu.

Agensi Nuklear Malaysia buat kajian benih padi tahan banjir

11 March 2022



Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Adham Baba. Foto FAREEZ FADZIL.

Beliau juga menjelaskan, Agensi Nuklear Malaysia sentiasa proaktif mencari pelbagai kaedah penambahbaikan menggunakan teknologi nuklear dan sentiasa bertindak berdasarkan isu perubahan cuaca global.

“Seorang pegawai penyelidik Agensi Nuklear Malaysia sedang membuat kajian PhD untuk mendapatkan padi yang rintang kepada banjir (submerge) di mana padi IS21 dikahwinkan dengan kaedah kacukan balik (advanced backcross method) dengan varieti yang tahan banjir dan matang awal.

“Pada masa sama, Agensi Nuklear Malaysia juga sedang menjalankan penyelidikan padi tahan kemarau yang juga dibuat tahun ini menggunakan padi tradisional wangi hitam diaruh mutasi menggunakan alur ion (ion beam) khidmat sinaran yang diperolehi daripada Quantum and Radiological Science and Technology (QST),” ujarnya.

Bagaimanapun, Adham berkata, kajian itu mungkin mengambil masa beberapa tahun dan memerlukan dana penyelidikan sebelum satu varieti yang berpotensi dihasilkan untuk kegunaan petani dan pesawah.
– MalaysiaGazette.

<https://malaysiagazette.com/2022/03/11/agensi-nuklear-malaysia-buat-kajian-benih-padi-tahan-banjir/>

11 March 2022

Nuklear Malaysia works to enhance padi seeds



Nuklear Malaysia to create various high yield padi variants that will be weather resistant.
– Pic by Sergio Camalich on Unsplash, March 11, 2022

THE Malaysian Nuclear Agency (Nuklear Malaysia) is working to enhance the resilience of padi seeds to withstand the unpredictable weather in the country.

In a statement today, Nuklear Malaysia said its research team has started research to produce a new padi variety, IS22, in collaboration with Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia and Universiti Teknologi Mara.

<https://www.themalaysianinsight.com/index.php/s/371186>

Padi IS21 tingkat pendapatan pesawah, kos lebih rendah

12 March 2022



Ismail Sabri Yaakob menyampaikan replika benih padi IS21 kepada wakil Komuniti sempena Majlis Penyerahan Benih Padi IS21 kepada Komuniti sambil diperhatikan oleh Datuk Seri Dr Adham Baba di Kampung Semaloi, Endau Mersing, Rabu lalu. - UTUSAN/ RAJA JAAFAR ALI
Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM

PUTRAJAYA: Penggunaan Benih Padi IS21 yang berteknologi tinggi secara meluas mampu meningkatkan pendapatan pesawah dan petani sekaligus membantu memperbaiki taraf hidup komuniti itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, maklum balas positif diterima daripada golongan itu selepas beliau melancarkan benih padi hasil penyelidikan Agensi Nuklear Malaysia tersebut empat bulan lalu di Sekincan, Selangor.

Beliau berkata, lebih istimewa, kos pengurusan sawah juga dapat dikurangkan memandangkan penanaman padi jenis itu tidak memerlukan penggunaan baja yang banyak.

Menurutnya, benih padi IS21 mempunyai daya tahan tinggi terhadap cuaca ekstrem dan mempunyai daya rintang terhadap beberapa penyakit padi yang sering merugikan pesawah.

12 March 2022

Padi IS21 tingkat pendapatan pesawah, kos lebih rendah

"Baka padi IS21 ini juga berpotensi menghasilkan padi sehingga sembilan tan sehektar mengikut kawasan penanaman dan amalan kultura pesawah jika diurus dengan baik mengikut garis panduan yang disyorkan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penyerahan Benih Padi IS21 kepada komuniti petani dan pesawah, sebagai projek tanggungjawab sosial korporat (CSR) Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) di Endau, Mersing, Johor, kelmarin.

Ismail Sabri berkata, benih padi yang berkualiti boleh membantu negara meningkatkan pengeluaran hasil padi dan membantu meningkatkan tahap sara diri negara.

Pada masa sama, beliau menjelaskan, ia dapat mengurangkan kebergantungan kepada beras import serta dapat menjamin sekuriti makanan negara dan menyokong Dasar Agromakanan Negara 2021-2030.

Bagi memastikan sumber makanan negara terjamin, selamat dan mencukupi, kata beliau, kerajaan sentiasa berusaha ke arah mencari kaedah-kaedah terbaik yang mampu meningkatkan penghasilan padi.

"Sudah pasti golongan yang memainkan peranan paling penting dalam produktiviti industri padi negara adalah para pesawah serta petani dan kebajikan mereka adalah tanggungjawab kerajaan.

"Membesar sebagai anak petani, saya memahami denyut nadi serta pahit jerih setiap petani di sini, saya memberi komitmen untuk memastikan tidak ada yang tercicir. Kebajikan petani serta Keluarga Malaysia sentiasa mendapat perhatian khusus daripada saya. Insya-Allah," katanya.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, kerajaan sentiasa berusaha memastikan usaha mempertingkatkan produktiviti industri padi dilakukan secara proaktif termasuk memperkenalkan teknologi terkini bagi mendepani cabaran serta memperkasakan keupayaan.

Justeru, beliau menyeru agar lebih ramai penyelidik tempatan dalam pelbagai bidang kepakaran tampil menegenahkan penyelidikan dan pembangunan serta menggembelng tenaga bagi membangunkan inovasi agromakanan negara.

Katanya, MOSTI telah memberikan dana penyelidikan kepada syarikat Pengeluar Padi Sah di Sekinchan dengan kerjasama Agensi Nuklear Malaysia bagi membangunkan Loji Pengeluaran Benih Asas Padi IS21 mengikut piawaian prosedur operasi standard (SOP) antarabangsa bagi menghasilkan benih sah berkualiti tinggi.

Perdana Menteri turut mengimbau semasa beliau mengemudi Kementerian Pertanian apabila pernah mencadangkan penghasilan benih padi berkualiti tinggi untuk meningkatkan pendapatan petani dan pesawah.

Padi IS21 tingkat pendapatan pesawah, kos lebih rendah

12 March 2022

Beliau memberitahu, terdapat dua jenis padi yang boleh dihasilkan iaitu pertama jenis benih padi yang tahan jika ditenggelami air sekali gus tanaman padi tidak rosak jika berlaku banjir sebagaimana dilaksanakan beberapa negara seperti Filipina dan India.

"Yang kedua, jenis benih padi yang tidak menggunakan air yang banyak. Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) telah menjalankan kajian ini, di mana padi itu tidak memerlukan air yang banyak seperti penggunaan tali air.


"Ia hanya memerlukan penyembur. Kajian dan ujian telah pun dijalankan, cuma ketika itu dari segi hasilnya agak rendah iaitu antara tiga hingga empat sahaja," katanya.

Justeru, beliau mahu MOSTI dan MARDI bekerjasama menjalankan kajian supaya benih padi jenis berkenaan mampu mengeluarkan hasil yang lebih banyak.

Jika ia dapat direalisasikan, kata beliau, hasilnya tentu lebih tinggi dan dapat memberi keuntungan kepada petani. – UTUSAN

<https://www.utusan.com.my/berita/2022/03/padi-is21-tingkat-pendapatan-pesawah-kos-lebih-rendah/>

Teknologi nuklear hasil varieti padi IS21, pengeluaran lebih tinggi



Dengan kemampuan menghasilkan antara 20 hingga 40 peratus hasil, benih padi IS21 yang mengambil sempena nama Perdana Menteri Ismail Sabri Yaakob (IS) 2021 (IS21), maklum balas pesawah amat positif apabila yang mendapati hasil tuaian adalah lebih tinggi mengambil kira faktor benih yang tahan dengan cuaca ekstrem dan mempunyai rintang terhadap beberapa penyakit padi.

Menurut seorang penyelidikannya, Dr. Sobri Hussein yang juga pegawai penyelidik di Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia) selain itu, para pesawah dan petani juga dapat menjimatkan kos pengurusan sawah memandangkan penanaman padi jenis ini tidak memerlukan penggunaan baja yang banyak.

"Penyelidikan padi nuklear ini telah dimulakan sejak tahun 2006 oleh Dr. Abdul Rahim Harun menggunakan teknologi sinaran gamma.

"Tujuan utama penyelidikan ini adalah untuk mendapatkan padi yang mempunyai hasil yang tinggi dan juga tahan kepada masalah kekurangan bekalan air.

"Walaupun bagaimanapun analisis LVT (Local Verification Trials) dijalankan adalah di dapati bahawa varieti padi baharu ini mampu bertahan kepada masalah cuaca yang ekstrem.

"Oleh yang demikian padi ini telah berjaya mendapat pengiktirafan oleh DOA (Jabatan Pertanian) sebagai salah satu varieti padi baharu negara pada 19 Feb 2020.

Teknologi nuklear hasil varieti padi IS21, pengeluaran lebih tinggi

13 March 2022



"Varieti padi baharu ini juga telah berjaya meningkatkan pendapatan petani antara 20 hingga 40 peratus bergantung kepada lokasi dan cara pengurusan sawah.

"Pada 29 Januari 2021 padi ini telah diperakukan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan sebagai salah satu varieti padi yang boleh digunakan oleh pesawah. Maka padi ini telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia pada 20 November 2021 di Sekinchan, Selangor,"ujarnya

Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada 9 Mac lalu menyempurnakan Majlis Penyerahan Benih Padi IS21 kepada Komuniti di Endau, Johor melibatkan 500 guni benih padi IS21 seberat 20kg setiap satu.

Benih padi IS21 dihasilkan oleh Agensi Nuklear Malaysia iaitu agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) ini telah dijana melalui teknologi nuklear.

Untuk rekod, Perdana Menteri telah melancarkan benih padi IS21 di Sekinchan, Selangor pada 20 November 2021. Sejak pelancaran, MOSTI telah menerima maklum balas daripada para pesawah dan petani.

Teknologi nuklear hasil varieti padi IS21, pengeluaran lebih tinggi



Ismail Sabri berkata, peluasan penggunaan benih padi IS21 di Endau diharap dapat memberi manfaat kepada para pesawah dan petani kerana penghasilan padi daripada varieti IS21 ini mampu meningkatkan pendapatan dan seterusnya taraf hidup rakyat.

Tambah beliau, golongan belia dan anak muda juga diharap dapat menyemai minat dan menceburi pertanian moden.

"Jika diletakkan sepenuhnya minat untuk berbakti kepada tanah, pertanian moden mampu meningkatkan taraf hidup, meningkatkan sumber pendapatan dan seterusnya membasmi kemiskinan."ujarnya.

Menurut YAB Perdana Menteri lagi, tumpuan perlu diberikan kepada golongan belia ke arah memodenkan sektor pertanian yang digabungkan dengan elemen keusahawanan bagi melahirkan lebih ramai agropreneur muda yang mahir dan arif dengan mengaplikasikan penggunaan teknologi dan inovasi dalam industri pertanian.

"Dalam hal ini, MOSTI juga dapat memperkenalkan pelbagai teknologi dan inovasi yang mampu merancakkan lagi sektor pertanian khususnya dalam kalangan golongan belia." ujarnya.

Sementara itu, Menteri MOSTI, YB Dato' Sri Dr. Adham Baba berkata, "selain daripada penggunaan teknologi nuklear dalam bidang pertanian, agensi penyelidikan yang lain di bawah MOSTI turut memainkan peranan penting dalam bidang pertanian.

Teknologi nuklear hasil varieti padi IS21, pengeluaran lebih tinggi

13 March 2022



Penyelidikan berkaitan bioteknologi oleh Institut Bioteknologi Kebangsaan Malaysia (NIBM) mampu menghasilkan persekitaran optimum untuk hasil tanaman yang baik".

Tambahnya, penggunaan remote sensing (penderiaan jauh) di bawah Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) juga telah membantu dari segi pemantauan pengurusan di jelapang padi melalui pembangunan Sistem Maklumat Geospasial Tanaman Padi (MakGeoPadi).

Hasil inisiatif MOSTI dan agensi-agensinya sebagai sebuah keluarga diyakini dapat membantu golongan petani dan pesawah di negara ini.

<https://jurnal.my/2022/03/13/teknologi-nuklear-hasil-varieti-padi-is21-pengeluaran-padi-lebih-tinggi/>

10 April 2022

Kunjungan hormat delegasi Agensi Nuklear Malaysia



Langkawi, 10 April 2022 – Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) telah menerima kunjungan hormat delegasi Agensi Nuklear Malaysia (ANM) yang diketuai oleh YBrs. Dr. Abdul Rahim bin Harun, Timbalan Ketua Pengarah (Program Penyelidikan dan Pembangunan Teknologi). Melalui kunjungan hormat ini, ANM turut menyampaikan sumbangan benih padi IS21 (Padi Nuklear) sebanyak 60 kilogram untuk disemai di Laman Padi, Langkawi. Selain itu, antara perkara lain yang turut dibincangkan adalah potensi kerjasama antara LADA dan ANM pada masa hadapan.

Benih padi IS21 ini dihasilkan melalui kaedah biak baka mutasi aruhan ke atas padi MR 219 menggunakan teknologi sinaran gamma. Benih padi ini istimewa berdasarkan ciri-cirinya yang tahan cuaca ekstrem, rintang terhadap penyakit padi dan mampu meningkatkan hasil tuaian padi sehingga 40 ke 67 peratus.

Kunjungan hormat delegasi Agensi Nuklear Malaysia

10 April 2022



<https://www.lada.gov.my/kunjungan-hormat-delegasi-agensi-nuklear-malaysia/>

15 April 2022

***Abdul Rahim dilantik Ketua Pengarah
Agensi Nuklear Malaysia***

Dr Abdul Rahim Harun

KUALA LUMPUR: Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pembangunan Teknologi) Agensi Nuklear Malaysia, Dr Abdul Rahim Harun dilantik sebagai Ketua Pengarah agensi itu berkuat kuasa, Isnin lalu.

Unit Komunikasi Agensi Nuklear Malaysia dalam satu kenyataan hari ini berkata, pelantikan Abdul Rahim bagi menggantikan Dr Siti A'iasah Hashim yang bersara pada 1 Januari lalu.

Menurut kenyataan itu, pelantikan Abdul Rahim dibuat berdasarkan kelayakan, pengalaman dan pengetahuan beliau khususnya dalam bidang penyelidikan teknologi nuklear.

Ia bagi membolehkan Abdul Rahim menerajui kepemimpinan agensi berkenaan seterusnya meneruskan kecemerlangan bagi mencapai matlamat kemajuan pembangunan dan penyelidikan.

Abdul Rahim mendapat pendidikan Ijazah Sarjana Muda Sains Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM) pada tahun 1988 dan Ijazah Sarjana dalam bidang 'Applied Genetics' daripada University of Birmingham, United Kingdom pada 1998, sebelum melanjutkan pengajian Ijazah Kedoktoran dalam bidang genetik di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 2010.

Abdul Rahim dilantik Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia

15 April 2022

Beliau juga pakar nuklear dalam bidang pembaikan mutasi tanaman dan pernah menjalankan beberapa misi pakar bagi pihak Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) di Laos dan Mauritius.

Sementara itu, Dr Rosli Darmawan pula dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah bagi Program Penyelidikan dan Pembangunan Teknologi, berkuat kuasa Isnin lalu.

Beliau mendapat Ijazah Pertama Kejuruteraan Mekanikal dari University of The Pacific, Amerika Syarikat pada tahun 1990 dan Ijazah Kedoktoran dalam bidang yang sama daripada UPM pada 2015.

Dr Rosli sebelum ini adalah Timbalan Ketua Pengarah bagi program Perkhidmatan Teknikal di bawah agensi berkenaan.

Beliau juga pakar nuklear dalam bidang kemudahan dan utiliti aplikasi nuklear serta sistem keselamatan reaktor nuklear.

Seluruh warga agensi berharap kedua-dua mereka dapat meneruskan pencapaian cemerlang dalam bidang penyelidikan nuklear sekali gus meningkatkan kemajuan pembangunan dan penyelidikan nuklear di negara ini.

https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/04/946173/abdul-rahim-dilantik-ketua-pengarah-agensi-nuklear-malaysia?fbclid=IwAR3nfQMLSMzm03qPJKystnyCswClbgO_DhyWuhmJV_FQghUIbD3WNm-jpLw

15 April 2022

Abdul Rahim dilantik Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia baharu



Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pembangunan Teknologi) Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia), Dr Abdul Rahim Harun dilantik sebagai Ketua Pengarah agensi itu berkuat kuasa 11 April lepas.

KUALA LUMPUR: Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pembangunan Teknologi) Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia), Dr Abdul Rahim Harun dilantik sebagai Ketua Pengarah agensi itu berkuat kuasa 11 April lepas.

Unit Komunikasi Korporat Agensi Nuklear Malaysia dalam kenyataan hari ini memaklumkan, pelantikan Abdul Rahim adalah bagi menggantikan Dr Siti A'iasah Hashim yang telah bersara pada 1 Jan lepas.

Menurut kenyataan itu, pelantikan Abdul Rahim adalah berdasarkan kelayakan, pengalaman dan pengetahuan beliau dalam penyelidikan teknologi nuklear.

"Pelantikan ini membolehkan beliau menerajui kepimpinan di Agensi Nuklear Malaysia dan seterusnya meneruskan kecemerlangan dan mencapai matlamat kemajuan pembangunan dan penyelidikan nuklear," menurut kenyataan itu.

Abdul Rahim dilantik Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia

15 April 2022

Abdul Rahim menerima pendidikan Ijazah Sarjana Muda Sains Pertanian, Universiti Putra Malaysia pada 1988, Ijazah Sarjana dalam bidang Applied Genetics daripada University Of Birmingham, United Kingdom pada 1998 dan seterusnya Ijazah Kedoktoran dalam bidang genetik daripada Universiti Kebangsaan Malaysia pada 2010.

Beliau merupakan pakar nuklear dalam bidang pembaikan mutasi tanaman dan pernah menjalankan beberapa misi pakar bagi pihak Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) di Laos dan Mauritius.

Sementara itu, Dr Rosli Darmawan pula dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah (Program Penyelidikan dan Pembangunan Teknologi) berkuat kuasa tarikh sama.

Menurut kenyataan itu, Dr Rosli yang berkelulusan Ijazah Kedoktoran dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal daripada Universiti Putra Malaysia pada 2015, sebelum itu menjawat jawatan Timbalan Ketua Pengarah (Perkhidmatan Teknikal).

"Beliau merupakan pakar nuklear dalam bidang kemudahan dan utiliti aplikasi nuklear serta sistem keselamatan reaktor nuklear.

"Seluruh warga Nuklear Malaysia mengucapkan tahniah dan diharapkan kepimpinan dua individu terbabit dapat meneruskan kecemerlangan dalam bidang penyelidikan dan kemajuan nuklear negara," menurut kenyataan tersebut. – BERNAMA

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/abdul-rahim-dilantik-ketua-pengarah-agensi-nuklear-malaysia-baharu-356957?fbclid=IwAR1zMhE-j9o -v0YadQnrBxNmUEjNdB2tu8dMD4IRBYA3nmvDeZebZus1NQ>

15 April 2022

**Dr. Abdul Rahim Ketua Pengarah
Agensi Nuklear Malaysia Baharu**

Dr. Abdul Rahim Harun dilantik sebagai Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia berkuatkuasa 11 April 2022.

Beliau menggantikan Dr. Siti A'iasah Hashim yang bersara pada 1 Januari lalu.

Dr. Abdul Rahim merupakan pakar nuklear dalam bidang pembaikan mutasi tanaman dan beliau pernah menjalankan beberapa misi pakar bagi pihak Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) di Laos dan Mauritius.

Pelantikan beliau adalah berdasarkan kelayakan, pengalaman dan pengetahuan dalam bidang penyelidikan teknologi nuklear.

Dalam pada itu Dr. Rosli bin Darmawan dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah (Program Penyelidikan dan Pembangunan Teknologi), Agensi Nuklear Malaysia berkuatkuasa mulai 11 April 2022.

https://www.buletintv3.my/pilihan-buletin-tv3/dr-abdul-rahim-ketua-pengarah-agensi-nuklear-malaysia-baharu?fbclid=IwAR1hfd-BjdwN9qrsAN_ulfZ1ANct3AKFULLgZcbtXGzMfZ02_qEpU5XDrY4

Abdul Rahim appointed as new Malaysian Nuclear Agency DG

15 April 2022



by BERNAMA / pic credit: Nuklear Malaysia

KUALA LUMPUR – Malaysian Nuclear Agency (ANM) deputy director-general (Research and Technology Development), Dr Abdul Rahim Harun, has been appointed as the agency's director-general, effective April 11.

He replaces Dr Siti A'iasah Hashim, who retired on Jan 1.

According to the ANM Corporate Communications Unit, the appointment of Abdul Rahim was made based on his qualifications, experience, and knowledge of nuclear technology research.

"The appointment will enable him to lead ANM and continue to excel towards achieving the goal of advancing nuclear development and research," it said in a statement today.

Abdul Rahim holds a Bachelor's Degree in Agricultural Science from the Universiti Putra Malaysia (UPM), a Master's Degree in Applied Genetics from the University of Birmingham, the United Kingdom, and a PhD in genetic studies from Universiti Kebangsaan Malaysia.

He is a nuclear expert in the field of plant breeding mutation and has conducted several expert missions on behalf of the International Atomic Energy Agency (IAEA) in Laos and Mauritius.

Meanwhile, Dr Rosli Darmawan was appointed as the deputy director-general (Research and Technology Development Programme), effective April 11.

According to the statement, Rosli, who holds a PhD in Mechanical Engineering from UPM, previously served as the deputy director-general (Technical Services).

He is an expert in the field of facilities and utilities of nuclear applications as well as nuclear reactor safety systems.

https://themalaysianreserve.com/2022/04/15/abdul-rahim-appointed-as-new-malaysian-nuclear-agency-dg/amp/?fbclid=IwAR3nfQMLSMzm03qPJKystnyCswCibgO_DhyWuhmJV_FQghUIbD3WNm-jpLw

15 April 2022

***Dr. Abdul Rahim Harun dilantik
sebagai Ketua Pengarah Agensi
Nuklear Malaysia***

BANGI 15 April 2022 – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) mengumumkan bahawa Dr. Abdul Rahim bin Harun telah dilantik sebagai Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia berkuatkuasa 11 April 2022 menggantikan Ts. Dr. Siti A'iasah binti Hashim yang telah bersara pada 1 Januari 2022.

Menurut MOSTI dalam satu kenyataan media yang diedarkan hari ini, pelantikan Dr. Abdul Rahim dibuat berdasarkan kelayakan, pengalaman dan pengetahuan beliau khususnya dalam bidang penyelidikan teknologi nuklear.

“Pelantikan ini membolehkan beliau menerajui kepimpinan di Agensi Nuklear Malaysia dan seterusnya meneruskan kecemerlangan dan mencapai matlamat kemajuan pembangunan dan penyelidikan nuklear.

Beliau mendapat pendidikan Ijazah Sarjana Muda Sains Pertanian, Universiti Putra Malaysia pada tahun 1988, Ijazah Sarjana dalam bidang Applied Genetics dari University Of Birmingham, United Kingdom pada tahun 1998 dan seterusnya Ijazah Kedoktoran dalam bidang genetik dari Universiti Kebangsaan Malaysia pada 2010. Sebelum ini, beliau menjawat jawatan sebagai Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pembangunan Teknologi).

YBrs. Dr. Abdul Rahim merupakan pakar nuklear dalam bidang pembaikan mutasi tanaman dan beliau pernah menjalankan beberapa misi pakar bagi pihak Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) di Laos dan Mauritius.” kata MOSTI.

Dr. Abdul Rahim Harun dilantik sebagai Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia

15 April 2022

Sementara itu, Dr. Rosli bin Darmawan pula telah dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah (Program Penyelidikan dan Pembangunan Teknologi), Agensi Nuklear Malaysia berkuatkuasa mulai 11 April 2022.

Kata MOSTI, Dr Rosli mendapat pendidikan Ijazah Pertama Kejuruteraan Mekanikal dari University of the Pacific, Amerika Syarikat pada tahun 1990 dan mendapat Ijazah Kedoktoran dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal dari Universiti Putra Malaysia pada tahun 2015.

"Sebelum ini beliau menjawat jawatan sebagai Timbalan Ketua Pengarah (Perkhidmatan Teknikal) dan merupakan pakar nuklear dalam bidang kemudahan dan utiliti aplikasi nuklear serta sistem keselamatan reaktor nuklear.

Dengan kelayakan, pengalaman, kemahiran dan ciri-ciri kepimpinan yang dimiliki oleh kedua-dua individu ini adalah diharap Agensi Nuklear Malaysia dapat meneruskan pencapaian cemerlang dalam bidang penyelidikan nuklear sekaligus meningkatkan kemajuan pembangunan dan penyelidikan nuklear di negara ini. Seluruh warga kerja Agensi Nuklear Malaysia mengucapkan sekalung tahniah di atas pelantikan tersebut." kata MOSTI.

https://my.lifenewsagency.com/2022/04/15/dr-abdul-rahim-harun-dilantik-sebagai-ketua-pengarah-agensi-nuklear-malaysia/?fbclid=IwAR3hTHPotCE2KMt_9ElhSsHY1AftCkRWg7ZwkHvJ-7cfwQ5j0gssBDNi4eE

25 April 2022

MOSTI lancar bagang penangkapan bilis terapung biokomposit



DR. Adham Baba (duduk tengah) bersama pelajar Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Bandar Tenggara pada program CSR dan Ihya Ramadan di Kota Tinggi.

KOTA TINGGI: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menerusi Agensi Nuklear Malaysia akan melancarkan bagang penangkapan bilis terapung biokomposit di Kota Belud, Sabah pada Mei ini.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Adham Baba berkata, projek berkenaan adalah hasil daripada projek Malaysia Social Innovation yang dijalankan Agensi Nuklear Malaysia dan Yayasan Inovasi Malaysia.

MOSTI lancar bagang penangkapan bilis terapung biokomposit

25 April 2022

Katanya, projek itu akan memberi peluang pendapatan baharu kepada veteran Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) Sabah yang melibatkan seramai lebih 100 orang.

"Projek ini merupakan permulaan kepada pembangunan struktur terapung lestari di kawasan tersebut untuk dimajukan kepada penternakan akuakultur marin dan juga sektor pelancongan akua atau *aquatourism*.

"Limpahan pembangunan ini akan membuka manfaat kepada kebanyakan rakyat di Sabah dan juga model pembangunan ekonomi sama boleh dibuat di Semenanjung terutamanya di Johor," katanya pada Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) dan Ihya Ramadan bersama Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Bandar Tenggara, di sini.

Dr. Adham yang juga Ahli Parlimen Tenggara berkata, Agensi Nuklear Malaysia telah menghasilkan radio isotop Samarium 153 bersama kit EDTMP untuk rawatan paliatif pesakit kanser yang berupaya membantu melegakan kesakitan tulang bagi pesakit yang menghidap penyakit kanser tahap kronik.

Jelasnya, antara kelebihan Samarium 153 adalah memberi penambahbaikan ketara skor kesakitan kepada pesakit selain akan mengurangkan kebergantungan kepada penggunaan analgesik narkotik dan lebih penting ia selamat digunakan.

"Agensi Nuklear Malaysia memainkan peranan besar dan memberi dimensi baharu kepada landskap perubatan negara kerana dapat menjimatkan kos di mana ubat yang diperlukan tidak perlu lagi diimport dari luar negara.

"Mereka turut menjalankan penyelidikan bagi menghasilkan beberapa produk biokomposit iaitu bahan baru berasaskan serat semula jadi yang diadun bersama-sama bahan plastik tersinar dan digabungkan dengan partikel nano.

"Bahan komposit ini telah dipertingkatkan sifat seperti kekuatan dan ketegaran, ketahanan air, sifat mekanik, sifat terma serta sifat fizikal. Bahan ini juga mudah diproses dan dibentuk menjadi produk yang diperlukan," katanya.

25 April 2022

MOSTI lancar bagang penangkapan bilis terapung biokomposit

Dalam perkembangan lain, Dr. Adham turut memaklumkan MOSTI menerusi Lembaga Pelesenan Tenaga Atom (AELB) sedang giat menjalankan Pembangunan Pusat Kemudahan Latihan Simulasi Pasukan Tindak Balas Nuklear.

Katanya, projek itu merupakan salah satu usaha untuk menjadikan AELB sebagai sebuah pusat latihan fizikal bagi meningkatkan dan mengekalkan keupayaan pasukan terhadap tindak balas nuklear dalam menangani kejadian radiologi dan nuklear.

Tambahnya, untuk rakyat Johor, AELB mempunyai pusat yang beroperasi di Pejabat Cawangan Kulai di mana agensi ini sentiasa bersedia untuk memberikan perkhidmatan kepada rakyat terutama dalam penyampaian perkhidmatan pelesenan dan penguatkuasaan tenaga atom yang lebih cekap dan berkesan. – UTUSAN

<https://www.utusan.com.my/nasional/2022/04/mosti-lancar-bagang-penangkapan-bilis-terapung-biokomposit/>

100 veteran TLDM Sabah ada pendapatan baharu

26 April 2022



Dr Adham Foto: Bernama

JOHOR BAHRU – Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia) akan melancarkan bagang penangkapan bilis terapung biokomposit di Kota Belud, Sabah pada Mei depan.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, projek *Malaysia Social Innovation* yang dijalankan hasil kerjasama Nuklear Malaysia dan Yayasan Inovasi Malaysia itu akan memberi peluang pendapatan baharu kepada 100 Veteran Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM).

"Ini adalah projek pemula kepada pembangunan struktur terapung lestari di kawasan tersebut untuk dimajukan kepada penternakan akuakultur marin dan sektor pelancongan akua atau *aquatourism*."

"Limpahan daripada pembangunan ini akan membuka manfaat kepada kebanyakan rakyat di Sabah," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Beliau berkata, pembangunan model ekonomi seumpama itu juga boleh dilaksanakan di Semenanjung Malaysia terutamanya di Johor.

Sementara itu, Adham berkata, Nuklear Malaysia juga akan menghasilkan radio isotop Samarium 153 bersama kit EDTMP untuk rawatan paliatif pesakit kanser.

26 April 2022

100 veteran TLDM Sabah ada pendapatan baharu

Menurutnya, produk penyelidikan dan pembangunan itu dapat membantu melegakan kesakitan tulang bagi pesakit kanser tahap kronik dan antara kelebihanannya adalah dapat memberi penambahbaikan ketara skor kesakitan kepada pesakit.

"Samarium ini akan mengurangkan kebergantungan kepada penggunaan analgesik narkotik dan yang pastinya, Samarium 153 selamat digunakan," katanya.

Tambah beliau, Nuklear Malaysia yang juga agensi di bawah MOSTI, memainkan peranan besar dan memberi dimensi baharu kepada landskap perubatan negara, sekali gus menjimatkan kos yang mana ubat diperlukan tidak perlu lagi diimport dari luar negara.

Katanya, selain sektor perubatan, Nuklear Malaysia turut menjalankan penyelidikan bagi menghasilkan produk biokomposit untuk kegunaan pelbagai sektor, antaranya struktur bangunan, perabot sekolah, struktur terapung pelbagai guna seperti sangkar ikan untuk akuakultur dan biokomposit sebagai sokongan tanaman untuk penanaman lada di Sabah. – Bernama

<https://m.sinarharian.com.my/mobile-article?articleid=249294>

Pelitup muka | Makmal NIOSH uji keselamatan, kualiti pelitup muka - NIOSH

6 May 2022



NIOSH turut bekerjasama dengan Agensi Nuklear Malaysia untuk 'menutrisasi' dan pensterilan pelitup muka mengikut elemen tertentu.

<https://www.astroawani.com/video-malaysia/pelitup-muka-makmal-niosh-uji-keselamatan-kualiti-pelitup-muka-niosh-1965861>

16 May 2022

Lawatan kerjasama penyelidikan ke fasiliti penyinaran getah asli (RAYMINTEX PLANT), Agensi Nuklear Malaysia (ANM)



ChM Ts Dr. Nor Hakimin Bin Abdullah

Pada 22 April 2022, penyelidik FBKT ChM Ts Dr. Nor Hakimin Abdullah telah melakukan lawatan kerja ke RAYMINTEX, Agensi Nuklear Malaysia yang terletak di Dengkil, Selangor. Tujuan lawatan ini adalah untuk melihat potensi kerjasama penyelidikan yang boleh dijalankan di antara pihak UMK dan ANM. Ketibaan ChM Ts Dr. Nor Hakimin Abdullah di RAYMINTEX telah disambut oleh penyelidik ANM iaitu Dr. Sofian Ibrahim.

Dr. Sofian Ibrahim telah membawa ChM Ts Dr. Nor Hakimin Abdullah melawat fasiliti yang ada di RAYMINTEX dan memberi penerangan terperinci berkaitan bidang tujuhan dan potensi kerjasama yang boleh dijalankan. Kedua – dua pihak bersetuju untuk melanjutkan peluang kerjasama penyelidikan melalui ceramah industri,, penyeliaan pelajar dan keterlibatan di dalam geran penyelidikan yang bersesuaian.

[https://fbkt.umk.edu.my/bm/berita-terkini-artikel.cfm?ref=843&title=Lawatan%20Kerjasama%20Penyelidikan%20ke%20Fasiliti%20Penyinaran%20Getah%20Asli%20\(RAYMINTEX%20PLANT\),%20Agensi%20Nuklear%20Malaysia%20\(ANM\)](https://fbkt.umk.edu.my/bm/berita-terkini-artikel.cfm?ref=843&title=Lawatan%20Kerjasama%20Penyelidikan%20ke%20Fasiliti%20Penyinaran%20Getah%20Asli%20(RAYMINTEX%20PLANT),%20Agensi%20Nuklear%20Malaysia%20(ANM))

MAFI disaran perluas penanaman padi benih IS21

3 June 2022



Ahmad Amzad (tengah) menyerahkan benih padi IS21 kepada wakil petani Hazmi Othman (kanan) pada Majlis Penyerahan Benih Padi IS21 sempena Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (AKM) di Kampung Kubang Tangga, pada Jumaat. - Foto Bernama

3 June 2022

MAFI disaran perluas penanaman padi benih IS21

KUALA TERENGGANU - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) disaran supaya memperluas penggunaan benih padi baharu berteknologi tinggi IS21 bagi meningkatkan pengeluaran padi negara. Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Ahmad Amzad Hashim berkata, ketika ini hanya 32,000 hektar atau enam peratus daripada keseluruhan kawasan penanaman padi negara ditanam dengan benih IS21 yang diinovasikan oleh Nuklear Malaysia.

"Ketika ini kadar sara diri *atau self-sufficiency level (SSL)* pengeluaran padi negara adalah sekitar 70 peratus. "Maka amat penting untuk negara meningkatkan pengeluaran padi negara dalam kadar segera bagi memenuhi keperluan penduduk dan mengelakkan kebergantungan pada import," katanya selepas majlis penyerahan benih padi IS21 kepada Pertubuhan Peladang kawasan Kuala Terengganu di sini pada Jumaat.

Sebanyak 200 beg benih padi disumbangkan kepada 50 pesawah di sekitar Kuala Terengganu dalam usaha meningkatkan pengeluaran dan pendapatan mereka.

Benih padi berteknologi tinggi IS21 mempunyai pelbagai kelebihan dari segi ketahanan terhadap perubahan cuaca mendadak, ketahanan terhadap tekanan biotik dan abiotik serta pengeluaran hasil cepat dan mempunyai kualiti yang lebih baik dari segi zat dan nutrisi.

Dari segi penghasilan, ia boleh mengeluarkan hasil sehingga 10 tan sehektar mengikut kawasan penanaman jika diurus dengan baik dan garis panduan yang disyorkan. – Bernama

<https://www.sinarharian.com.my/article/205431/BERITA/Nasional/MAFI-disaran-perluas-penanaman-padi-benih-IS21>

Genjot produksi, Malaysia perluas budidaya padi berteknologi tinggi

4 June 2022



Ilustrasi - Tanaman padi. (Pixabay)
Editor: Dera

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Malaysia diminta untuk memperluas penanaman benih padi baru berteknologi tinggi, IS21, guna meningkatkan produksi padi di dalam negeri.

Deputi Menteri Sains, Teknologi, dan Inovasi Malaysia, Datuk Ahmad Amzad Hashim, menjelaskan bahwa saat ini varietas padi IS21 hanya ditanami di lahan pertanian seluas 32.000 hektare atau enam persen dari total area budidaya padi di Malaysia.

“Saat ini tingkat swasembada (SSL) produksi beras dalam negeri sekitar 70 persen. Oleh karena itu, sangat penting bagi negara untuk segera meningkatkan produksi padinya untuk memenuhi kebutuhan masyarakat dan menghindari ketergantungan pada luar negeri,” ujarnya usai penyerahan bibit padi IS21 kepada Organisasi Tani Kuala Terengganu, seperti dilansir Bernama.

<https://pertanian.sariagri.id/97425/genjot-produksi-malaysia-perluas-budidaya-padi-berteknologi-tinggi>

7 June 2022

Pesawah di Terengganu terima benih padi IS21



KUALA TERENGGANU, 7 Jun 2022

Sebanyak 200 beg benih padi IS21 disumbangkan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menerusi Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia) kepada 50 pesawah kawasan Kuala Terengganu bagi membantu meningkatkan pengeluaran hasil padi dalam negeri.

Menurut Timbalan Menteri MOSTI, Datuk Ahmad Amzad Hashim, benih padi IS21 yang dijenamakan semula daripada benih NMR152 melalui kajian biak baka mutasi aruhan sinaran gama itu merupakan pencapaian terbaik dihasilkan Nuklear Malaysia bagi meningkatkan pengeluaran sara diri (SSL) padi negara.

Teknologi benih padi baharu IS21 inisiatif Nuklear Malaysia, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) membantu meningkatkan produktiviti padi dengan anggaran hasil 40 hingga 67 peratus lebih tinggi berbanding purata pengeluaran kebangsaan. Benih padi IS21 juga mampu mengeluarkan hasil padi hingga 9 tan sehektar mengikut kawasan penanaman manakala kos penanaman dapat dikurangkan sebanyak 10 hingga 20 peratus kerana penggunaan baja dan racun perosak yang kurang. Benih padi berkenaan mempunyai daya tahan tinggi terhadap cuaca ekstrem dan mempunyai daya rintang terhadap beberapa penyakit padi yang sering merugikan pesawah.

Sebelum ini, antara masalah besar dalam pertanian adalah baja dan racun serangga dan ia dapat kurangkan kebergantungan kepada kedua-duanya melalui jenis benih padi IS21 kerajaan akan dapat menyelesaikan sedikit sebanyak masalah pengeluaran makanan ruji rakyat Malaysia iaitu beras.

Dengan bantuan seperti ini, kerajaan berharap agar rakyat dapat mengusahakan tanaman padi dengan lebih baik dan efisien dalam usaha untuk mengekalkan stok simpanan makanan negara agar ia tidak berkurang selara dengan keperluan dalam Sekuriti Makanan yang diletakkan dibawah nilai teras Pembangunan Mampan didalam Dasar Keselamatan Negara 2021-2025.

<https://www.mkn.gov.my/web/ms/2022/06/07/pesawah-di-terengganu-terima-benih-padi-is21/>

Benih asas padi IS21 bakal tingkat produktiviti pengeluaran padi dan beras

28 June 2022



(Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia, Dr. Abdul Rahim Harun)

MELAKA, 28 Jun- Loji Pengeluaran Benih Asas Padi IS21 bakal dibangunkan September ini.

Ia membabitkan kos RM2 juta menggunakan dana daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia, Dr. Abdul Rahim Harun berkata, penggunaan benih padi IS21 yang dilancar November tahun lalu, makin meluas.

Sehingga kini, kira-kira 40,000 petani telah menggunakan benih tersebut kerana manfaatnya dalam meningkatkan produktiviti padi dan beras.

Untuk itu, pihaknya bercadang menambah pengeluaran varieti padi yang ketika ini berjumlah 4,800 tan metrik semusim.

"Bagi tanah 70,000 hektar ditanam oleh lebih kurang 40,000 petani seluruh Malaysia, dan kami tidak boleh mengeluarkan benih lebih daripada itu berikutan kapasiti yang terhad,

"Namun, kami akan cuba tingkatkan pengeluaran benih agar dapat sama dirasai semua golongan petani," katanya kepada RTM selepas merasmikan Seminar dan Bengkel Penulisan dan Penerbitan Saintifik 2022 di Bandaraya Melaka.

Mengenai pembangunan Loji Pengeluaran Benih Asas Padi IS21 pula katanya, ia telah berada peringkat akhir perbincangan dan dijangka akan mula dibangunkan pada September depan.

Pembangunan itu berdasarkan piawaian prosedur operasi standard (SOP) antarabangsa bagi menghasilkan benih yang sah dan berkualiti tinggi.

<https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/42542-benih-asas-padi-is21-bakal-tingkat-produktiviti-padi-dan-beras>

18 July 2022

Lawatan turun padang Datuk KSU ke Agensi Nuklear Malaysia



18 Julai 2022, Bangi – YBhg. Datuk Zainal Abidin bin Abu Hassan, Ketua Setiausaha MOSTI telah mengadakan sesi lawatan turun padang ke tiga (3) projek RMKe12 di bawah Agensi Nuklear Malaysia.

Ketiga-tiga projek yg berkaitan adalah:

- (a) Pembinaan Sistem Pelupusan Sisa Bahan Radioaktif Mengikut Piawaian IAEA (Fasa 2)
- (b) Menaik Taraf Makmal Penyelidikan dan Pembangunan Perubatan Nuklear
- (c) Menaik Taraf Fasiliti dan Makmal Radioanalitikal Forensik Alam Sekitar dan Pengurusan Sumber Air.

Lawatan turun padang ini bertujuan untuk memantau pelaksanaan dan kemajuan projek-projek tersebut. Di samping itu, platform turun padang juga merupakan medium yg baik bagi membincangkan isu atau permasalahan berkaitan.

Lawatan ini turut disertai oleh YBrs. Tuan Ooli Gunalan a/l Manickam, Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan) MOSTI, YBrs. Dr. Abdul Rahim Harun, Ketua Pengarah Nuklear Malaysia serta wakil daripada pihak JKR.

<https://www.mosti.gov.my/berita/lawatan-turun-padang-datuk-ksu-ke-agensi-nuklear-malaysia/>

Benih padi NMR151 sesuai tanah masam kelat

24 July 2022



K. NAGULENDRAN (tiga dari kanan) menunjukkan benih padi IS21 pada Majlis Penyerahan Benih Padi IS21 kepada pesawah Pertubuhan Peladang kawasan Machang di Unit Peladang, Kampung Bukit Tiu, Machang, Kelantan hari ini. -UTUSAN/ROSMIZAN RESDI

MACHANG : Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) menerusi Agensi Nuklear Malaysia sedang menghasilkan varieti benih padi baharu NMR151 yang mempunyai daya tahan terhadap tanah masam kelat terutama di negeri ini.

Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Pembudayaan Sains) kementerian itu, Dr. K. Nagulendran berkata, kajian terhadap penghasilan varieti benih padi baharu itu sudah berada di peringkat akhir.

Menurutnya, masam kelat merujuk kepada kawasan tanah beris yang terjadi akibat campuran air masin dan tawar.

"Untuk percubaan, kita akan melaksanakannya di Kelantan iaitu di kawasan Pasir Puteh pada musim penanaman padi yang akan datang bermula Oktober atau November ini.

"Sekiranya percubaan ini berjaya, benih padi baharu ini akan disahkan sebelum diperluaskan ke negeri lain yang akan dikenal pasti mempunyai masalah yang sama," katanya kepada pemberita selepas Majlis Penyerahan Benih Padi IS21 kepada pesawah Pertubuhan Peladang kawasan Machang di Unit Peladang, Kampung Bukit Tiu, di sini hari ini.

Nagulendran memberitahu, benih padi IS21 adalah inovasi dalam industri padi negara yang dilihat mampu meningkatkan hasil tuaian mengikut kawasan penanaman.

Katanya, setakat ini, pelaksanaan benih padi IS21 masih lagi dalam peringkat ujian untuk mencapai sehingga 10 tan pengeluaran sehektar.

"Jadi, kita akan dapat melihat hasil tuaian padi yang pertama menggunakan benih padi IS21 pada Oktober dan November ini membabitkan kawasan seluas 500 hektar di Pasir Puteh, Pasir Mas dan Tumpat" ujarnya. – UTUSAN

<https://www.utusan.com.my/berita/2022/07/benih-padi-nmr151-sesuai-tanah-masam-kelat/>

24 July 2022

Kajian varieti padi baharu tingkat pengeluaran beras



K. NAGULENDRAN (tiga dari kanan) menunjukkan benih padi IS21 pada Majlis Penyerahan Benih Padi IS21 kepada pesawah Pertubuhan Peladang kawasan Machang di Unit Peladang, Kampung Bukit Tiu, Machang, Kelantan hari ini. -UTUSAN/ROSMIZAN RESDI

MACHANG - Agensi Nuklear Malaysia bakal memperkenalkan satu lagi varieti padi berkualiti bagi meningkatkan pengeluaran beras negara.

Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Pembudayaan Sains), Kementerian Sains dan Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Dr K Nagulendran berkata, percubaan penanaman varieti baka baharu NMR151 akan dimulakan di Pasir Puteh selewat-selewatnya awal tahun depan.

Menurutnya, kajian dilakukan bagi menguji ketahanan terhadap keadaan tanah dan kemasukan air masin bagi mengelakkan rentan terhadap kualiti padi.

"Kajian awal membabitkan tanah seluas kira-kira 0.4 hektar sebagai ujian mengenal pasti tahap kualitinya.

"Jika percubaan ini berjaya dengan keadaan air yang dikatakan masin kelat, kita akan perluaskan baka padi ini ke negeri lain," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Simbolik Penyerahan Benih Padi IS21 kepada pesawah Pertubuhan Peladang Kawasan Machang di Kampung Bukit Tiu, di sini pada Ahad.

Hadir sama, Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia, Dr Abdul Rahim Harun dan Timbalan Ketua Pengarah Operasi, Lembaga Pertubuhan Peladang, Nik Mohd Shaharil Nik Md Hashim.

Nagulendran ketika berucap merasmikan program berkenaan berkata, produktiviti padi negara pada masa ini masih rendah berbanding negara jiran seperti Indonesia dan Vietnam.

<https://www.sinarharian.com.my/article/212830/BERITA/Nasional/Kajian-varieti-padi-baharu-tingkat-pengeluaran-beras>

JAKM bawa inovasi, peluang kerjaya untuk rakyat Sarawak

5 August 2022



James (kanan) dan Muhammad Hazim (kiri) bersama produk inovasi Agensi Nuklear Malaysia, benih padi IS21 dan tiang sokongan biokomposit lada hitam.

KUCHING: Pempamer pada program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (JAKM) 2022 di Dataran Perayaan di Petra Jaya di sini membawa inovasi, teknologi dan produk serta peluang kerjaya untuk dimanfaatkan oleh rakyat di Sarawak.

Jurutera Awam Penguasa Jabatan Kerja Raya Malaysia Suhaila Subodh ketika ditemui oleh Utusan Borneo hari ini berkata, pihaknya telah menerima lebih daripada 500 pengunjung sejak dibuka jam 9 pagi.

"Untuk Pameran Inovasi dan Teknologi Sektor Pembinaan kita telah membuka tapak pameran sejak jam 9 pagi hingga jam 1 petang dan dianggarkan sekitar 500 pengunjung telah masuk ke tapak pameran.

"Ini kita ambil jumlah pengunjung yang telah mengimbas kod QR yang juga layak untuk menyertai cabutan bertuah," katanya.

Lebih menarik katanya, pihaknya juga disertai Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) untuk pertunjukan mini planetarium sebagai perkongsian maklumat berkaitan planet dalam sistem alam semesta.

Pada masa yang sama katanya, pihaknya juga menonjolkan inovasi dalam sektor pembinaan bertujuan untuk mempercepatkan tempoh pembinaan, memperkukuhkan kualiti dan penjimatan kos penyelenggaraan.

Disebabkan ia merupakan acara yang julung kali diadakan, beliau berkata pihaknya berhasrat untuk menyertai program JAKM akan datang sekiranya mendapat sambutan.

Sementara itu, tinjauan ke ruangan Agensi Nuklear Malaysia membawa kepada penemuan benih padi baharu IS21 dan tiang sokongan biokomposit yang bersesuaian dengan sistem perladangan lada hitam yang banyak diusahakan di Sarawak.

Penolong Pegawai Pertanian Agensi Nuklear Malaysia James Mackester berkata, baka benih IS21 itu adalah rintang penyakit dan berupaya memberi hasil mencecah sembilan tan sehektar.

5 August 2022

***JAKM bawa inovasi, peluang kerjaya
untuk rakyat Sarawak***

Benih baharu padi IS21 terbabit telah dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada 5 Ogos 2021 di ibu negara, ujanya.

"Padi ini sesuai ditanam di siri tanah yang berbeza dan sangat respon kepada baja hidrogen.

"Di Semenanjung Malaysia, ramai pesawah yang telah menanam padi ini, tidak ada penyakit, pengurusan output petani juga kurang selain kurang penggunaan racun," ujanya.

Selain itu benih padi berkenaan tahan banjir dan kemarau, tambahnya.

"Kawasan Kelantan biasanya mengalami banjir, kami pernah jalankan di tapak eksperimen dan masa itu berlaku banjir, tapi selepas banjir surut padi masih lagi tumbuh dan memberi hasil yang sangat baik," katanya lagi.

Sebelum ini katanya, pihaknya menjalankan Ujian Multilokasi (MLT) IS21 bermula pada tahun 2016-2017 di pelbagai lokasi jelapang padi di Semenanjung Malaysia, manakala Ujian Penetusan Tempatan (LVT) juga telah dijalankan pada 2018-2020.

Padi tersebut telah ditanam di jelapang padi utama seluruh Semenanjung Malaysia seperti di Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Barat Laut Selangor, Kerian, Seberang Perak dan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA).

Sementara itu, rakan beliau, Pegawai Penyelidik Agensi Nuklear Malaysia Muhammad Hazim Muhammad Sayudi memperkenalkan tiang sokongan biokomposit yang diperbuat daripada campuran plastik polimer dengan serat semula jadi.

Sebelum ini, penanam lada menggunakan kayu belian yang mana merupakan spesies terancam, justeru tiang terbabit boleh dijadikan alternatif dan dijual pada harga RM50 sebatang.

"Sebagai sebuah agensi kerajaan, kita belum ada membuat pengkomersialan tetapi kita berikan sebagai program tanggungjawab sosial korporat kepada masyarakat," jelasnya.

<https://www.utusanborneo.com.my/2022/08/05/jakm-bawa-inovasi-peluang-kerjaya-untuk-rakyat-sarawak>

MCMC meterai kerjasama dengan UniKL, MBOT, Agensi Nuklear Malaysia bangunkan bakat digital negara

30 August 2022



Majlis memeterai dokumen kerjasama berkenaan disaksikan oleh Ketua Pegawai Operasi MCMC, Dato Mohd Ali Hanafiah Mohd Yunus. - Foto Facebook/MCMC

CYBERJAYA: Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) hari ini menandatangani dan penukaran dokumen kerjasama dengan beberapa institusi tempatan dan global iaitu Universiti Kuala Lumpur (UniKL), Lembaga Teknologi Malaysia (MBOT) dan Agensi Nuklear Malaysia, dalam usaha merealisasikan pembangunan bakat digital dan pemerkasaan ekonomi digital menerusi kerjasama strategik.

Majlis memeterai dokumen kerjasama berkenaan yang disaksikan oleh Ketua Pegawai Operasi MCMC, Dato' Mohd Ali Hanafiah Mohd Yunus mencerminkan komitmen MCMC dalam meningkatkan pembangunan bakat dan keupayaan bagi memenuhi kapasiti industri komunikasi dan multimedia negara.

Di bawah kerjasama dengan UniKL, kerjasama tersebut bakal dijalankan menerusi program pembangunan pentauliah (micro credential) yang akan memberi peluang kepada golongan dewasa khususnya pekerja untuk menambah nilai kemahiran agar kekal relevan dalam kerjaya masing-masing.

Sementara itu, jalinan kerjasama dengan pihak MBOT dan Agensi Nuklear Malaysia pula memberi fokus dalam membangunkan program pensijilan berkaitan bidang teknologi, terutamanya dalam telekomunikasi dan penyiaran, keselamatan siber, pengkomputeran dan Medan Elektromagnet Frekuensi Radio (RF-EMF).

Dalam usaha memastikan lebih ramai rakyat Malaysia mendapat akses kepada latihan kemahiran digital, MCMC turut memeterai kerjasama dengan Google untuk menyediakan biasiswa kepada mereka yang kurang berkemampuan untuk menjalani kursus dan mendapat Sijil Kerjaya Google di Pusat Ekonomi Digital Keluarga Malaysia (PEDi). Kursus yang disediakan termasuklah Sokongan IT, Automasi IT, Analisis Data, Reka Bentuk UX, Pengurusan Projek atau Pemasaran Digital dan E-dagang. Selepas selesainya menghadiri kursus-kursus tersebut, mereka akan mendapat Sijil Kerjaya Google di Pusat Ekonomi Digital Keluarga Malaysia (PEDi). Dengan adanya Sijil Kerjaya Google, ianya juga memberi peluang kepada golongan berkenaan untuk memohon pekerjaan menerusi Konsortium Majikan oleh Google.

30 August 2022

***MCMC meterai kerjasama dengan UniKL,
MBOT, Agensi Nuklear Malaysia
bangunkan bakat digital negara***

Pada majlis yang sama, Dato' Mohd Ali Hanafiah turut mengumumkan penganugerahan DSRG kepada sembilan (9) penerima bagi kitar pertama tahun 2022. Kesemua sembilan (9) penerima anugerah terbabit dipilih daripada 183 pemohon geran yang telah melalui proses pemilihan yang ketat. Hasil dapatan daripada kajian yang dijalankan oleh penerima anugerah DSRG mampu memberi input berharga kepada MCMC dalam melaksanakan tanggungjawabnya dengan lebih jitu.

Sejak tahun 2008 lagi, MCMC telah menganugerahkan geran penyelidikan melibatkan dana sejumlah RM3.8 juta dan setakat ini, inisiatif berkenaan telah menghasilkan sebanyak 56 projek penyelidikan. Keprihatinan MCMC dalam perkara ini turut terserlah apabila pihak Suruhanjaya telah memberi komitmen untuk terus memperuntukkan sekurang-kurangnya RM200,000 setahun bagi geran penyelidikan.

Bersempena dengan majlis penganugerahan Geran DSRG itu juga, satu simposium bertemakan: Ke Arah Malaysia Yang Lebih Inklusif: Pandangan Penyelidikan Mengenai Implikasi Komunikasi Digital Terhadap Masyarakat turut dianjurkan dan menjadi platform bagi pihak akademik dan pihak berkepentingan lain untuk berbincang mengenai topik-topik penyelidikan yang boleh dimanfaatkan oleh semua termasuk pihak universiti, agensi-agensi Kerajaan dan para pelajar.

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mcmc-meterai-kerjasama-dengan-unikl-mbot-agensi-nuklear-malaysia-bangunkan-bakat-digital-negara-378716>

Penggubalan Dasar Teknologi Nuklear Negara fasa terakhir

19 September 2022



BANGI: Penggubalan Dasar Teknologi Nuklear Negara (DTNN) kini berada dalam fasa terakhir bagi mendapatkan kelulusan Jemaah Menteri.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata penggubalan dasar itu bertujuan untuk memperkasakan ekosistem teknologi nuklear negara dalam usaha memacu negara menjadi negara berteknologi tinggi masa hadapan.

Katanya, DTNN akan menjadi pemangkin kepada perkembangan kemajuan dan pembangunan teknologi nuklear di negara ini kerana tenaga nuklear ini boleh diukur sebagai teknologi hijau apabila digunakan secara selamat.

"Apabila DTNN ini digubal, saya yakin masyarakat boleh melihat bagaimana persepsi bahawa teknologi nuklear itu selamat dan boleh digunakan untuk membangunkan teknologi.

"Contoh terkini ialah dengan penggunaan teknologi nuklear, kita berjaya membangunkan baka benih padi IS22 seperti mana yang diarahkan oleh Perdana Menteri supaya MOSTI membangunkan prototaip benih padi ini menggunakan sinaran gamma lanjutan daripada benih padi IS21 yang lalu," katanya ketika ditemui pada Majlis Perasmian Sambutan Jubli Emas Agensi Nuklear Malaysia, di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia, Dr Abdul Rahim Harun.

Menjelaskan lebih lanjut, beliau berkata, pembangunan benih padi IS22 ini sudah berada dalam peringkat pembentangan kepada Jawatankuasa Bantuan Kerajaan kepada Industri Padi dan Beras (JKKIPB) dan ia boleh cuba mula ditanam di tempat yang ditetapkan.

"Benih padi IS22 ini mempunyai keupayaan yang lebih baik di mana ia matang lebih awal, mengeluarkan hasil yang tinggi, boleh hidup dalam keadaan tanah kurang subur serta tahan kemarau serta banjir kilat.

